

NEGARAKU



T A H U N

MERDEKA





PAHANG

ISBN 978-983-54-0598-3

Cetakan Pertama 2017

**Hak Cipta Terpelihara
Jabatan Penerangan Malaysia, 2017**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh



Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Aras 12, Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Persiaran Perdana Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya.

Laman Web: www.penerangan.gov.my

E-mel: webmaster@inform.gov.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ariah Judah

NEGARAKU 60 TAHUN MERDEKA / KETUA PENGARANG : Ariah Judah, EDITOR PENYELARAS : Norhazuren Halid.

Bibliography: 155

ISBN 978-983-54-0598-3 (Hardback)

1. Independence Day (Malaysia)--History. 2. Malaysia--History. I. Norhazuren Halid. II. Judul.

959.5

NEGARAKU 60 TAHUN MERDEKA

NEGARAKU 



T A H U N

MERDEKA

PENAUNG

Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

PENASIHAT

Dato' Haji Ibrahim Abdul Rahman
Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG

Ariah Judah

EDITOR PENYELARAS

Norhazuren Halid

PENYELIDIK

Nurul Insyirah Mohd Ishah
Nor Idahyah Ismail
Iza Kasmiza Kasmijan
Hairun Nabuat Sulung
Wan Abdul Halim Yaakob

PEMBANTU PENYELIDIK

Mohd Faidzyul Hassan
Roslen Jati a/k Jeffrey Sut
Suzana Md Jamin
Arenawati Hamzah

SUMBER FOTO

Unit Fotografi, Cawangan Pusat Sumber & Foto
Bahagian Komunikasi Visual dan Seni reka,
Jabatan Penerangan Malaysia
Arkib Negara Malaysia

ILUSTRASI & PENCETAK

Precious Print Sdn Bhd



KANDUNGAN

ABSTRAK

v

PERUTUSAN

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
Dato' Seri Dr Salleh Said Keruak

vi - vii

PRAKATA

KETUA PENGARAH
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
Dato' Haji Ibrahim Abdul Rahman

viii - ix

1-7

SOROTAN 60 TAHUN



9 - 37
EPILOG
MERDEKA



38 - 43

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
MENELUSURI KECEMERLANGAN,
MENCIPTA KEJAYAAN

45 - 61

WIRA TAK DIDENDANG





62 - 65

**TRIVIA
MERDEKA**

66 - 73

**CERITERA
ANAK-ANAK MALAYSIA**



74 - 82

**KUALA LUMPUR
DULU & KINI**



83 - 153

**60 TAHUN
PENUH
GEMILANG**



154

SATRIA PEMBELA NUSA

BIBLIOGRAFI

155

GLOSARI

156

SEKALUNG PENGHARGAAN

157

Bahawasanya Negara Kita Malaysia mendukung cita-cita

- 1 Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;
- 2 Memelihara cara hidup demokratik;
- 3 Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- 4 Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak;
- 5 Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

Maka Kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**Kepercayaan kepada Tuhan
Kesetiaan kepada Raja Dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-Undang
Kesopanan Dan Kesusilaan**



ABSTRAK

Buku 'Negaraku 60 Tahun Merdeka' diterbitkan sempena menyambut ulang tahun ke-60 sambutan kemerdekaan Malaysia. Buku ini merupakan satu daripada koleksi bahan penerbitan negara yang digarap dan disediakan hasil percambahan minda anggota Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.



Judul Buku 'Negaraku 60 Tahun Merdeka' membawa maksud imbasan momen berharga dan penuh sejarah dalam pembangunan negara sejak merdeka hingga kini, di samping deretan peristiwa, perjalanan pembangunan dan kejayaan-kejayaan negara selama 60 tahun berdiri megah sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka.

Kandungan buku ini turut memuatkan bingkisan pengalaman dan kejayaan wira tak didendang, anak-anak Malaysia yang lahir pada 31 Ogos dan 16 September selain rancangan-Rancangan pembangunan negara serta beberapa artikel terpilih yang diilustrasikan melalui gambar-gambar peristiwa terdahulu dan terkini sebagai sumber pengetahuan yang berguna seterusnya menjadi rujukan dan warisan untuk generasi pada masa hadapan.

Rentetan peristiwa-peristiwa inilah yang mampu memberi iktibar dan pengajaran kepada kita semua dalam mendepani cabaran mendatang.

Sungguh pun banyak karya terhasil sebelum ini yang menyentuh tentang kemerdekaan Malaysia, tetapi penulisan buku ini dengan genre santai berinformasi wajar dijadikan rujukan dan manfaat kepada seluruh warga Malaysia.

Penerbitan buku ini disusun dan diringkaskan dengan pengisian yang merangkumi semua sektor sejak 60 tahun era kemajuan negara dari zaman pra merdeka, mencapai kemerdekaan dan selepas merdeka. Pencapaian negara dalam pelbagai sektor juga dikupas dengan penceritaan bergambar yang mampu mengimbau semula keringat leluhur terdahulu dalam mendapatkan kemerdekaan dan kecemerlangan negara yang dikecapi hari ini.

Semoga penerbitan buku ini diharap dapat memberi manfaat kepada seluruh warga Malaysia demi memartabatkan keagungan nilai sejarah dan kegemilangan negara.

“Judul Buku ‘Negaraku 60 Tahun Merdeka’ membawa maksud imbasan momen berharga dan penuh sejarah dalam pembangunan negara sejak merdeka hingga kini”

PERUTUSAN MENTERI

TRANSFORMASI TERBUKTI BERJAYA

Penerbitan khas Negaraku 60 Tahun Merdeka oleh Jabatan Penerangan Malaysia telah mendokumentasi enam puluh tahun rakyat Malaysia menempuhi pelbagai perubahan dan transformasi bersama, baik dari sudut politik, ekonomi mahupun sosial. Sepanjang tempoh itu juga, Malaysia menjadi sebuah negara yang berdaulat dan merdeka, bebas dari cengkaman serta belenggu penjajahan asing.

Kita sewajarnya bersyukur, kerana rakyat di negara ini menikmati kehidupan yang aman dan sentosa, serta selamat secara umumnya dari unsur-unsur jenayah. Malah laporan *Global Peace Index 2016* oleh *Institute for Economics and Peace* menyebut bahawa Malaysia merupakan salah sebuah daripada 30 negara paling aman di dunia.

Bukan itu sahaja, kemampuan Malaysia memelihara hubungan harmoni di kalangan rakyatnya walaupun mereka menganggotai parti politik berasaskan etnik masing-masing menjadikan negara ini dihormati oleh masyarakat dunia termasuk dari negara maju. Kejayaan ini sukar ditemui di negara lain, hatta di negara maju sekalipun. Pencapaian luar biasa ini juga menyebabkan Malaysia sering menjadi rujukan kerajaan asing yang ingin mencari formula bagi mengatasi masalah pertelingkahan kaum di negara masing-masing.

Kita akan terus berjuang memakmurkan negara, menuju TN50 seraya menjulang Malaysia kepada kedudukan negara 20 termaju di dunia kelak. Bagi menempa sesebuah kejayaan, ia menuntut kepada usaha dan sokongan padu daripada segenap rakyat untuk berganding bahu demi mensejahterakan Malaysia. Dengan kata lain, pandangan menerusi generasi muda bagi mencorak Negaraku melalui TN50 kelak, menjadi tumpuan dan hasrat kerajaan hari ini.

Sesungguhnya berjaya dan majunya Malaysia sehingga sekarang, merupakan hasil usaha gigih pentadbiran kerajaan yang cekap dan sistematik. Kita telah bertatih daripada sebuah negara pertanian menjadi sebuah negara perindustrian dan kini dengan deras memacu ke arah menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

Saya ingin menyeru kepada semua rakyat Malaysia, hargailah keamanan, peliharalah keharmonian, pupuklah perpaduan dengan mencintai watan. Ayuh, marilah kita berpadu dengan obor perjuangan yang jitu demi malaysia yang satu.



Kita sewajarnya bersyukur, kerana rakyat di negara ini menikmati kehidupan yang aman dan sentosa, serta selamat secara umumnya dari unsur-unsur jenayah. Malah, laporan *Global Peace Index 2016* oleh *Institute for Economics and Peace*, menyebut bahawa, Malaysia merupakan salah sebuah daripada 30 negara paling aman di dunia.

Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

PRAKATA KETUA PENGARAH

MENELUSURI KECEMERLANGAN MENCRIPTA KEJAYAAN

Tahun 2017 sememangnya cukup sinonim dengan sejarah perkembangan negara selama 60 tahun berdiri megah sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Lebih istimewanya, sambutan tahun ini lebih signifikan kerana merupakan sambutan kemerdekaan negara yang ke-60 dan disambut bersekali dengan Sukan SEA ke-29. Justeru perlu dihayati oleh setiap individu agar keamanan dan kesejahteraan yang dikecapi ini dapat diteruskan.

Kupasan naskhah bergenre *human interest* dan piktorial ini memuatkan sejarah ringkas kemerdekaan negara, rancangan-rancangan pembangunan yang diilustrasikan melalui gambar-gambar peristiwa terdahulu dan terkini. Turut dimuatkan, bingkisan pengalaman anak-anak Malaysia yang lahir pada 31 Ogos dan 16 September serta kisah kejayaan wira tak didendang. Kisah perjuangan mereka dalam memperoleh kejayaan demi mengecapi keamanan dan memperjuangkan kemerdekaan seharusnya dijadikan dorongan dan inspirasi untuk kita terus menghargai kemerdekaan ini.

Begitu juga dengan informasi merangkumi perkembangan Malaysia dari zaman merdeka sehingga kini wajar dijadikan ikhtibar serta pedoman semua rakyat agar mensyukuri keamanan yang dikecapi pada hari ini dan menelusuri kecemerlangan dengan mencipta kejayaan yang lebih besar dalam segenap bidang pada masa akan datang.

Pelbagai kejayaan yang dilakar dan dicapai ini, sama ada dari segi ekonomi, pendidikan, kesihatan, infrastruktur adalah kejayaan rakyat kesemuanya dan sememangnya kita harus berbangga dengan Negaraku, Malaysia. Maka, wajarlah Jabatan mendokumentasikan penerbitan ini sebagai satu sumber pengetahuan yang amat berguna seterusnya menjadi rujukan dan warisan untuk generasi pada masa hadapan.

Sesungguhnya, penerbitan buku ini adalah seiring dengan langkah kerajaan khususnya Jabatan Penerangan Malaysia meneruskan kecemerlangan dalam menghasilkan bahan penerbitan yang berkualiti dan berwibawa, selaras dengan falsafah, dasar dan wawasan negara.

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada Jabatan Penerangan Malaysia kerana berusaha dengan gigih merealisasikan penerbitan buku bergambar ini untuk dijadikan rujukan dan panduan yang tidak ternilai kepada semua pembaca di pelbagai peringkat.



Pelbagai kejayaan yang dilakar dan dicapai ini, sama ada dari segi ekonomi, pendidikan, kesihatan, infrastruktur adalah kejayaan rakyat kesemuanya dan sememangnya kita harus berbangga dengan Negaraku, Malaysia.

Dato' Haji Ibrahim Abdul Rahman
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia

Malaysia cukup sinonim dengan rakyatnya yang berbilang bangsa, seperti Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan banyak lagi. Sungguhpun dengan jutaan variasi cap jari, namun keharmonian sesama bangsa tetap utuh dan melambangkan keistimewaan negara Malaysia.

#NegarakuSehatiSejiwa

Sorotan 60 Tahun



Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Persekutuan Tanah Melayu menjadi ahli negara Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.



Berakhirnya darurat di Persekutuan Tanah Melayu.

Bunga Raya dipilih sebagai Bunga Kebangsaan.

1962

Kemudahan sekolah rendah diberi secara percuma.

Universiti Malaya dijadikan Institusi Kebangsaan dan Tunku Abdul Rahman Abdul Rahman Putra Al-Haj menjadi Canselor yang pertama.

Institut Penyelidikan Getah (RRI) memperkenalkan benih getah RRI 700 yang boleh melipatgandakan pengeluaran susu getah.

Ibu pejabat Agensi Bahasa dan Kesusasteraan mula dibina. Ini telah mengukuhkan lagi asas ke arah menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan Negara.

Konsep Malaysia dibentangkan di Parlimen oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj.

1963



Pengistiharan Malaysia serentak dengan kemasukan Sabah dan Sarawak.

Perkhidmatan TV Malaysia dilancarkan.

Siti Norma Yaakob-wanita pertama yang dilantik sebagai Pendaftar Persekutuan di Mahkamah Agong.

1961

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ditubuhkan untuk golongan belia di negara ini.

Jeneral (B) Tan Sri Tunku Osman Tunku Mohamed Jewa anak Malaysia pertama dilantik sebagai Jeneral dan Ketua Turus Angkatan Tentera Malaysia.

1964

1957

Tentera Laut Diraja Persekutuan ditubuhkan.

Kerajaan mula menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di dalam semua urusan rasmi kerajaan.

1958

Bank Negara ditubuhkan.

Bahasa Melayu digunakan sepenuhnya buat pertama kali dalam persidangan Majlis Perundangan Persekutuan.

1959

1960



Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Kedua.

Pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menaikkan taraf hidup kaum Bumiputera.

Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan.



MISC ditubuhkan dan menjadi syarikat perkapalan Malaysia yang terbesar.

Perkhidmatan bas MARA dilancarkan.

Malaysia memenangi semula Piala Thomas.



Kongres Ekonomi Bumiputera pertama diadakan.

Majlis Amanah Rakyat (MARA) ditubuhkan, menggantikan RIDA.

Bank Bumiputera ditubuhkan.

Masjid Negara siap dibina dan dibuka kepada orang ramai.



1965

1970

Rukun Negara dibentuk dan diwujudkan demi perpaduan rakyat pelbagai kaum di Malaysia.

MARDI ditubuhkan untuk tujuan penyelidikan dan pengeluaran hasil pertanian yang lebih produktif.

PERNAS ditubuhkan untuk memperluas penglibatan kaum bumiputera di sektor industri dan pembangunan perniagaan.



1969

1968

1967

Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan dan berperanan untuk menyatukan rakyat Malaysia.

ASEAN ditubuhkan dan menjadi batu loncatan untuk pelaksanaan dasar luar Malaysia.

1966

Tugu Peringatan Negara siap dibina sempena memperingati 11 ribu perajurit yang gugur semasa Darurat.

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Abdul Razak menandatangani perjanjian damai dengan Indonesia, mengakhiri konfrontasi tiga tahun.

Rancangan Malaysia Pertama dilancarkan.

1971

Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) diterima sebagai pendirian ASEAN dan ini diumumkan melalui Deklarasi Kuala Lumpur.

Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) ditubuhkan untuk penyelarasan harga dan kebajikan penanam padi.

Lembaga Pembangunan Bandaraya (UDA) ditubuhkan.


Rancangan Malaysia Kedua (RMK-2) dilancarkan.

Maktab Rendah Sains MARA yang pertama dibina di Seremban, Negeri Sembilan

Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dilancarkan.



1972





Pembukaan seksyen pertama Lebuh raya Utara-Selatan (NSE).

Pelancaran Rukun Tetangga merupakan kempen untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.



Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) ditubuhkan untuk menyelaras dan mengatur pembangunan industri petroleum negara secara menyeluruh.

Bank Pembangunan ditubuhkan untuk menggalakkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi negara.

1973

Program Buku Hijau dilancarkan oleh Tun Abdul Razak. Dengan ini bermulalah satu revolusi pertanian negara.

RISDA ditubuhkan untuk membantu sektor pertanian negara.

1974

1975

SIRIM berjaya diinstitusikan.

MARA menawarkan lebih daripada 1200 biasiswa kepada pelajar Bumiputera untuk mengikuti pengajian tinggi di dalam dan di luar negara.



1977

Amanah Saham Nasional Berhad ditubuhkan.



Pertumbuhan luar biasa hasil eksport. Peningkatan hampir 40% menandakan hasil kegigihan kerajaan dalam melaksanakan Dasar Perindustrian Negara.

1976

Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri Ketiga.

Tun Hussein Onn meneruskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan integrasi sosial.

Rancangan Malaysia Ketiga (RMK-3) dilancarkan.

1978

Penubuhan Permodalan Nasional Berhad sebagai alat penting DEB kerajaan untuk menggalakkan pemilikan saham dalam sektor korporat di kalangan bumiputera.

1979

Penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan – bermulalah pencapaian seimbang dalam segenap aspek pembangunan di Wilayah Persekutuan.



Malaysia menjadi pengeksport semikonduktor yang terbesar di dunia.

Malaysia menjadi pengeksport penyaman udara yang ketiga terbesar di dunia.

Pusat Dagangan Eksport Malaysia dibuka dengan rasminya.

1980

RMK-4

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Keempat.

Dasar Pandang Ke Timur dilancarkan.

Masa di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak diselaraskan.

Rancangan Malaysia Keempat (RMK-4) dilancarkan.

1981



Menjadi tuan rumah sukan SEA ke-15 dan pelancaran Polisi Sukan Nasional.

Malaysia menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM)

Parti Komunis menandatangani perjanjian damai dengan Kerajaan Malaysia menandakan berakhirnya perjuangan komunis selama 41 tahun.



Malaysia menjadi tuan rumah pertama kepada Persidangan Ketua Kerajaan G-15



Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dipilih sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Najis Dadah di Vienna, Austria.

Bahasa Malaysia Baku diperkenalkan untuk digunakan di Tingkatan satu dan Tingkatan Peralihan.

Konsep Pensyarikatan Malaysia dilancarkan.

Polisi Penswastaan Malaysia dilancarkan.

Bank Islam (BIMB) pertama ditubuhkan di Malaysia.

Amanah Saham Nasional (ASN) dilancarkan.

1987



Stesen Satelit Bumi kedua dilancarkan.

Pengiktirafan antarabangsa terhadap kejayaan Proton Saga.

1986

Persidangan Selatan-Selatan diadakan di Kuala Lumpur.

Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5) dilancarkan.

Bilangan kakitangan wanita dalam jabatan Kerajaan mencapai 30%.

Jambatan Pulau Pinang jambatan terpanjang di Asia Tenggara dibina dan telah mula beroperasi sepenuhnya.

1985

Kereta Nasional, kereta Proton Saga buat pertama kali dikeluarkan dari kilangnya di Shah Alam.



1984



Hospital Universiti mencipta sejarah terulung di Asia apabila berjaya merawat jantung tiga pesakit tanpa pembedahan.

Labuan diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Labuan.

1982

1983

1990

Labuan diiktiraf sebagai Pusat Kewangan Luar Pantai Antarabangsa (IOFC).

Wawasan 2020 dilancarkan sebagai pelan jangka panjang yang bakal merealisasikan matlamat Malaysia untuk menjadi negara maju.

1991

Pameran Aeroangkasa Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) dilancarkan

Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6) dilancarkan

1992

Amanah Saham Nasional mengeluarkan bonus terbesar di dalam sejarah penubuhannya.

Malaysia menjadi negara ASEAN yang pertama memperkenalkan petrol tanpa plumbum.

Piala Thomas kembali ke dalam genggaman Malaysia.

1995



Stadium Shah Alam yang terbesar di rantau ini dibuka secara rasminya.

Kereta nasional kedua-Perodua Kancil dilancarkan.

Lebuhraya Utara Selatan (NSE) telah dibuka secara rasmi.

Penswastaan Tenaga Nasional Berhad untuk melancarkan lagi kecekapan agihan bekalan kuasa elektrik ke seluruh negara.

Proton Wira, model kedua kereta nasional diperkenalkan.



Malaysia menuju ke era internet. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi ketua Kerajaan pertama di dunia muncul di dalam internet secara langsung.



Keluaran Dalam Negara Kasar meningkat 9.6%.



Menara Berkembar Petronas, bangunan tertinggi di dunia siap dibina.

Laluan kedua ke Singapura dibuka.

Sistem Transit Aliran Ringan (STAR) mula beroperasi.

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dibuka secara rasminya.

Persidangan Ketua Negara Asia-Pasifik (APEC) diadakan di Kuala Lumpur.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ditubuhkan untuk menangani masalah ekonomi negara.

Rakyat Malaysia berjaya menawan puncak Gunung Everest buat pertama kali.

Perbadanan Pembangunan Multimedia ditubuhkan untuk mengasaskan Koridor Raya Multimedia (MSC)

Satelit pertama Malaysia-MEASAT 1 dilancarkan ke angkasa lepas.

Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) dilancarkan



1996

1997


1998

1999

Datuk Azhar Mansor menjadi manusia pertama yang belayar secara solo mengelilingi dunia.

Malaysia menganjurkan kereta Formula 1 pertama F1 Sepang.

Dunia memuji kejayaan Kawalan Modal Terpilih yang diperkenalkan oleh Malaysia.





Datin Paduka Sharifah Maslina Syed Abdul Kadir menjadi wanita Asia pertama yang melakukan ekspedisi ski solo merentasi benua Antartika.

Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia dengan kerjasama pereka cipta, Zulkifli Harun berjaya mencipta robot pertama Malaysia.



Malaysia negara pertama di dunia mengeluarkan Kad Pintar Pelbagai Guna.

2000

Mikrosatelit pertama Malaysia, TIUNGSAT-1 telah dilancarkan ke ruang angkasa lepas dari Balkanor, Kazakhstan.

Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dilancarkan.

Bayi pertama Malaysia dan pertama di dunia yang menerima tangan kiri daripada kembarnya berjaya dilakukan melalui pembedahan.



Pakar perubatan Hospital Kuala Lumpur (HKL) berjaya memisahkan kembar siam paling kronik, Azama dan Azami Kamarul Zaman.

2005

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dilancarkan.

Program Transformasi GLC diperkenalkan.

2004

Malaysia menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11.

Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri Kelima.

2003

Malaysia diiktiraf sebagai negara keempat paling berdaya saing.

Abdul Malik Mydin telah berjaya merentasi Selat Inggeris.

2002



2006

MEASAT-3 dilancarkan ke angkasa lepas.

Lapangan Terbang KL (KLIA) mengukuhkan kedudukannya sebagai lapangan terbaik dunia bagi kategori 15-25 juta penumpang setahun menerusi anugerah Perkhidmatan Kualiti Lapangan Terbang 2006 oleh Majlis Lapangan Terbang Antarabangsa (ACI).

Malaysia cipta Biodesel Sawit Bersepadu pertama di dunia.

Pelancaran Tahun Melawat Malaysia.


Malaysia menyambut Ulang Tahun Kemerdekaan Negara Ke-50.

Malaysia sebagai tuan rumah kepada World Islamic Economic Forum (W.I.E.F.).

Angkasawan pertama negara Dato' Sheikh Muzaffar meneroka angkasa apabila beliau sampai ke Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS).


Dua pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM67 bilion dilancarkan untuk pemulihan ekonomi negara.

Azizulhasni Awang memenangi pingat emas acara keirin dan pecut 200 meter Kejohanan Trek Asia 2008.



2007

2008



Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) skim rumah mampu milik untuk penjawat awam telah dilancarkan.



Negara telah menarik pelaburan langsung yang diluluskan bernilai RM216.5 bilion iaitu 29% melebihi RM167.9 bilion yang dicatatkan pada tahun 2012.

Pelaburan langsung asing (FDI) Malaysia telah melonjak sebanyak 24% kepada RM38.8 bilion dalam tahun 2013.

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) diperkenalkan

Program Transformasi Ekonomi (ETP) diperkenalkan dengan memberi fokus kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Program Transformasi Kerajaan (GTP) dilancarkan.



2009

Satelit RazakSAT dilancarkan pada 14 Julai 2009.

Program Transformasi Negara (NTP) dilancarkan.



2010

2011

Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) ditubuhkan.

Penubuhan Kampung Tanpa Wayar (kampung WIFI) bagi merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar/pedalaman.

2014



Pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM131.9 bilion, manakala pelaburan asing berjumlah RM17.7 bilion.

Malaysia destinasi Foreign Direct Investment Confidence Index AT Kearney (FDI) ke-15 paling menarik di dunia.

Laporan *World Bank Doing Business* 2014, kedudukan Malaysia telah melonjak ke tempat Ke-6 di kalangan 189 negara dalam aspek *Ease of Doing Business*.

Pusat Internet 1Malaysia mula beroperasi pada 23 Oktober 2012.

Pusat Transformasi Bandar (UTC) sebagai pusat sehenti bagi semua perkhidmatan awam dan swasta ditubuhkan.

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dilancarkan.



2015

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dilancarkan.

Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Economic Intelligence Unit's (EIU) menaikkan kedudukan Kuala Lumpur ke tangga ke-70 dalam kedudukan Daya Huni 2014 daripada tangga ke-79 pada tahun 2010. Kuala Lumpur jugaberada pada kedudukan ke-7 di Asia dan ke-2 dalam kalangan bandar ASEAN.

Kes jenayah telah menurun daripada 209,817 kes pada 2009 kepada 112,354 kes.

Program Transformasi Negara (NTP) berjaya merapatkan jurang menuju sasaran pendapatan tinggi daripada 33% kepada 18% antara tahun 2010 hingga 2016.

2016



Tahun Penyampaian buat Malaysia

Tahun Ekonomi Digital Malaysia.

Sambutan 60 Tahun Kemerdekaan Negara.

MRT Fasa 1 & 2 dilancarkan.

Malaysia menjadi tuan rumah Sukan SEA 2017.

2017

Dasar Transformasi Nasional (DTN) dilancarkan.

Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dilancarkan.



Epilog Merdeka

Sejarah Malaysia bermula pada zaman Kesultanan Melayu Melaka iaitu sekitar tahun 1400 Masihi. Pada masa kegemilangannya, wilayah kesultanan ini meliputi sebahagian besar Semenanjung dan Pantai Timur Sumatera. Melaka muncul sebagai sebuah kerajaan yang gemilang kerana pemimpin yang berwibawa, sistem pentadbiran dan pemerintahan yang cekap di samping kedudukannya yang strategik berada di tengah-tengah perjalanan antara timur dengan barat. Keadaan ini membolehkan Melaka muncul sebagai pusat perdagangan utama khususnya bagi perdagangan rempah di Asia Tenggara. Islam pula muncul sebagai agama utama yang tersebar dan menjadi anutan utama penduduk Melaka kerana rajanya sendiri telah memeluk agama tersebut.

Era Penjajahan

Pada tahun 1511, Melaka jatuh ke tangan Portugis dan bermula dari tahun inilah Tanah Melayu berada dalam era penjajahan. Selepas itu, Tanah Melayu jatuh ke tangan Belanda pada tahun 1641 dan akhirnya jatuh pula ke tangan British pada tahun 1824 melalui Perjanjian Inggeris-Belanda.

British telah campur tangan dalam semua urusan pentadbiran Tanah Melayu kecuali hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu yang sebelum ini diuruskan oleh Raja-Raja Melayu dengan bantuan pembesar-pembesar negeri. Campur tangan British ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk tempatan. Beberapa individu bangkit menentang penjajah di beberapa buah negeri seperti Dol Said (Naning, Melaka), Tok Janggut (Kelantan), Datuk Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah (Pahang), Rentap dan Rosli Dobi (Sarawak), Datuk Maharajalela (Perak) dan beberapa tokoh pejuang tanah air yang lain.

**Tanah Melayu
jatuh ke tangan
Belanda pada**

1641

dan British

1824

**melalui Perjanjian
Inggeris-Belanda.**

Pada era 1920-an dan 1930-an, kesedaran politik, semangat nasionalisme dan keinginan untuk membangunkan bangsa telah timbul di kalangan sebilangan penduduk Tanah Melayu yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah dan pendidikan tempatan. Mereka menggunakan media cetak terutamanya akhbar, majalah, cerpen, novel dan seumpamanya. Ada dalam kalangan mereka telah membentuk persatuan seperti Kesatuan Melayu Singapura (KMS-1926) dan Kesatuan Melayu Muda (KMM-1939) yang bermatlamat mengusir penjajah dan membentuk kerajaan sendiri.


Kemaraan tentera Jepun ke Tanah Melayu pada 8 Disember 1941 hingga 15 Februari 1942 menandakan bermulanya satu lagi era penjajahan di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, Jepun yang menduduki Tanah Melayu sehingga tahun 1945 menyerah kalah ekoran pengeboman bom atom ke atas Hiroshima dan Nagasaki.

**Jepun
menduduki
Tanah Melayu
sehingga
tahun**

1945

Pendaratan Jepun pada penghujung tahun 1941 yang menandakan bermulanya satu lagi era penjajahan di Tanah Melayu.





Ketika rakyat negara ini begitu bersemangat untuk menamatkan penjajahan, mereka dikejutkan dengan pendaratan Jepun pada penghujung tahun 1941 yang menandakan bermulanya satu lagi era penjajahan di Tanah Melayu. Jepun telah menduduki Tanah Melayu sehingga tahun 1945. Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Ke-2 ekoran pengeboman bom atom ke atas Hiroshima (8 Ogos 1945) dan Nagasaki (15 Ogos 1945) oleh Pihak Bersekutu.

Kemusnahan yang dilakukan oleh pengganas komunis menyebabkan darurat diisytiharkan.



Keretapi merupakan pengangkutan penting dalam proses pemindahan penduduk ke kampung baru sewaktu darurat.

Ruang kosong yang ditinggalkan akibat pengunduran Jepun telah memberi kesempatan kepada Parti Komunis Malaya (PKM) untuk menguasai Tanah Melayu. Dalam tempoh 14 hari, PKM telah bertindak kejam sama ada menyeksa dan membunuh ke atas mana-mana individu yang sebelum ini bekerjasama dengan pihak Jepun atau disyaki sebagai tali barut Jepun.

Pentadbiran Tentera British telah diperkenalkan pada 12 September 1945. Kehadiran semula kuasa British secara tidak langsung memusnahkan impian PKM untuk menguasai Tanah Melayu. Pada 1 April 1946, British telah menubuhkan Malayan Union. Walau bagaimanapun, gagasan ini mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu kerana memberi kesan kepada penghakisan kuasa Raja-raja Melayu dan terhapusnya hak-hak keistimewaan orang Melayu. Implikasinya pada 11 Mei 1946, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) ditubuhkan sebagai wadah perjuangan menentang Malayan Union.

**British
mengisytiharkan
darurat
di Tanah Melayu**

1948-
1960


Persekutuan Tanah Melayu Ditubuhkan

Pada 21 Januari 1948, kerajaan British terpaksa mengalah dan akur kepada desakan dan tentangan rakyat. Malayan Union telah dibubarkan dan diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu (PTM). Pada 1 Februari 1948, PTM telah ditubuhkan yang merangkumi sembilan negeri iaitu Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan serta dua negeri selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang.

Di bawah perjanjian itu, sebuah Majlis Raja-Raja diwujudkan sebagai penasihat Pesuruhjaya British tentang imigresen, jaminan hak istimewa orang-orang Melayu, pembentukan Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Perundangan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British dalam hal-hal pentadbiran selain menggantikan British Residen dengan Menteri Besar.

Malayan
Union
digugurkan

1948



Bergambar kenangan sempena Mesyuarat Raja-raja ke-25 dan sebagai tanda selamat jalan kepada Jeneral Sir Gerald Walter Robert Templer, Pesuruhjaya Tinggi British ke Persekutuan Tanah Melayu pada 23 Februari 1954.

Parti Perikatan Dibentuk

Dalam bulan Ogos 1951, UMNO mengalami krisis kepimpinan apabila jawatankuasa UMNO menolak cadangan Dato' Onn supaya pertubuhan itu menerima bukan melayu menjadi ahli. Pengasas UMNO itu terpaksa berundur dan diganti dengan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Presidennya.

Salah satu tujuan UMNO ditubuhkan ialah untuk mengorak langkah ke arah kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj menyedari kemerdekaan hanya boleh dicapai jika semua bangsa dalam Persekutuan Tanah Melayu bersatu dan sepakat. Beberapa persidangan dan konvensyen diadakan untuk menjalin hubungan

antara kaum. Pakatan Tunku dengan beberapa orang pemimpin Pertubuhan Cina Malaysia (MCA) kemudian diperkukuh dengan penyertaan Kesatuan India Malaya (MIC) yang telah wujud sejak 1946.

Akhirnya pada September 1953, Parti Perikatan peringkat kebangsaan ditubuhkan hasil daripada resolusi dalam Konvensyen Kebangsaan pertama yang dianjurkan oleh Perikatan pada 23 Ogos 1953. Dalam tahun 1954, MIC bergabung pula dengan perikatan bagi membentuk Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC.



- 1 Raja-raja Melayu menandatangani perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 1948 dengan pihak British dalam perundingan untuk mencapai kemerdekaan.
- 2 Tunku berkempen untuk Perikatan.
- 3 Dari kiri: Tun Tan Cheng Lock, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Tun Sambathan merupakan tiga pemimpin utama membentuk Perikatan.



Pilihan Raya Persekutuan Pertama

Pada 21 April 1954, Tunku bersama-sama Dato' Abdul Razak Hussein, Dato' Tan Cheng Lock dan T.H Tan selaku Setiausaha Perwakilan Perikatan berlepas ke London bertemu Setiausaha Tanah Jajahan Takluk British, Olivier Littleton untuk berunding bagi mengadakan Pilihanraya pertama.


Pilihan raya Persekutuan yang pertama diadakan pada tahun 1955. Sebanyak 52 buah kerusi Majlis Persekutuan telah dipertandingkan. 51 kerusi dimenangi Perikatan. 35 UMNO, 15 MCA dan 2 MIC. 1 kerusi dimenangi oleh PAS di kawasan pilihanraya Kerian, Perak. Tunku dipilih menjadi Ketua Menteri. Kemenangan Parti Perikatan membuktikan keyakinan rakyat terhadap pemerintahan sendiri.

Barisan kabinet Tunku adalah terdiri daripada pejuang kemerdekaan yang amat dedikasi. Mereka menumpukan kepada pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Agenda yang turut diberi perhatian utama ialah menghapus gangguan pengganas komunis, mengajak mereka meletakkan senjata dan turut serta dalam perjuangan mencapai kemerdekaan penuh.

Pilihan raya Persekutuan yang pertama diadakan pada tahun

1955

- 1 Pilihan raya umum pertama Tanah Melayu berlangsung pada Julai 1955.
- 2 Seramai 52 orang calon memenangi Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan pada 29 Julai 1955.



Darurat dan Rundingan Baling

Darurat yang diisytiharkan oleh Kerajaan Persekutuan sejak 1948 berpanjangan selama 12 tahun. Pertempuran dan serang hendap serta pembunuhan sana sini menyebabkan kemusnahan harta benda dan kira-kira 18,000 orang awam dan rakyat yang tidak berdosa terkorban. Kesukaran dan pahit getir kehidupan menimpa rakyat di bandar dan di desa.

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj tiba untuk mengadakan rundingan dengan Chin Peng di Baling pada 28 Disember 1955.



Demi kemerdekaan dan kemenangan rakyat, pada 28 dan 29 Disember 1955, Tunku bersama David Marshall (Ketua Menteri Singapura), Encik Hamid Jumat, Datuk (Sir) Tan Cheng Lock, Yaacob Latiff, Too Joon Hing, T. H. Tan dan Tuan Syed Jaafar Albar telah bertemu dengan Ketua Komunis Malaya, Chin Peng, Chin Tien dan Rashid Maidin di Baling, Kedah (Sekolah Rendah Ingeris). Rundingan itu menekankan desakan Tunku dan rakan-rakannya supaya penganas komunis meletakkan senjata, dan menyerah diri. Namun rundingan tersebut gagal kerana PKM tidak diiktiraf sebagai sebuah parti politik yang sah. Perjuangan menentang penganas komunis terus diperhebatkan.

**Darurat yang
diisytiharkan
sejak**

1948

**berpanjangan
selama 12 tahun.**






- 1 Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di majlis menandatangani Surat Pengisytiharan Penamatan Darurat di Kuala Lumpur, 29 Julai 1960.
- 2 Kelihatan Chin Peng dan Rashid Maidin menaiki trak Polis meninggalkan tempat rundingan. Rundingan Damai Baling merupakan perundingan di antara Kerajaan Persekutuan Melayu dengan Parti Komunis Malaya (PKM).
- 3 David Marshall (tiga, kiri) dan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dalam Rundingan Baling.

Rundingan Kemerdekaan

Pada 1 Januari 1956, Tunku dan rombongan berangkat ke London. Rombongan itu disertai empat wakil Raja Melayu iaitu Menteri Besar Perak, Datuk Panglima Bukit Gantang sebagai Ketua, Menteri Besar Selangor, Abdul Aziz Abdul Majid, Menteri Besar Johor, Datuk Mohamad Seth Mohammad Said, bekas Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Ahmad Kamil Mahmood, serta Setiausaha majlis itu, Abdul Kadir Shamsuddin.

Sementara itu wakil Parti Perikatan yang menyertai rombongan ke London ialah Ketua Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Ketua, Menteri Pelajaran Persekutuan; Datuk Abdul Razak Hussein, Menteri Pengangkutan, H.S. Lee, Menteri Hasil Bumi; Dr. Ismail Abdul Rahman serta Setiausaha Perikatan T.H. Tan.

- 1** Rombongan rundingan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ke London diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Berdiri dari kanan: Dato' Abdul Razak bin Hussein, A.Aziz bin A.Majid, Kolonel H.S.Lee, Mohd Seth, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Dato' Panglima Gantang Haji Abdul Wahab bin Aziz, Dr. Ismail bin Abdul Rahman dan Nik Ahmad Kamil. Berdiri di belakang dari kanan: A.Kadir bin Shamsudin, Setiausaha wakil Raja-raja dan T.H. Tan sebagai Setiausaha Perikatan
- 2** Persidangan Perlembagaan Persekutuan Malaya di London pada 1956.



Rombongan Merdeka kemudian berunding dengan perwakilan kerajaan British iaitu Alan Lennox Boyd, Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan, John Hare; Menteri Negara, Donald Mac Gillvray; Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu, David Wathersthon; dan Ketua Setiausaha Persekutuan Tanah Melayu, Oscar Spencer. Rundingan dimulakan pada 16 Januari 1956 di Lancaster House London. Ia berlangsung sehingga 6 Februari 1956.



Kebijaksanaan Tunku menyusun dan melaksanakan strategi, rundingan serta persiapan rapi yang dibuat rombongan menyebabkan rundingan berjalan lancar. Kekusutan mengenai tarikh kemerdekaan dan penyerahan kuasa telah dapat diatasi.

Hasilnya, pada 8 Februari 1956 perjanjian ditanda tangani. British tunduk kepada desakan rakyat berbilang kaum yang disuarakan dengan lantang dan tegas oleh Tunku. Kerajaan British menetapkan tarikh 31 Ogos 1957 bagi Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan mutlak.



Pada 20 Februari 1956 ribuan rakyat berbilang kaum berhimpun menyambut Tunku dan rombongan membawa pulang khabar gembira persetujuan dan tarikh kemerdekaan di Padang Bandar Hilir, Melaka. **“Di atas runtuhannya kota Melaka kita akan dirikan negara baru”** – Tunku melafazkan perisytiharan tarikh bagi kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

“Dengan nama Allah, saya atas nama rakyat Malaya, mengisytiharkan bahawa kemerdekaan penuh Persekutuan Tanah Melayu di dalam Komanwel menurut perjanjian yang telah dicapai di London akan dilaksanakan pada 31 Ogos 1957.”

Petikan Ucapan Tunku Abdul Rahman

- 1 Majlis menandatangani Perjanjian Merdeka oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bagi pihak kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Lord Lennox-Boyd, Setiausaha Tanah Jajahan British di Lancaster House, London pada 8 Februari 1956.
- 2 Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj diraikan dengan sorakan gembira sekembalinya dari London, pada 25 Julai 1963.





1 Barisan kabinet pertama selepas pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu.

2 Orang ramai begitu khusyuk mendengar amanat penting mengenai kemerdekaan negara daripada Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.



Suruhanjaya Reid

Pada 21 Februari 1957, penyata Suruhanjaya Reid iaitu hasil kajian satu Suruhanjaya Persekutuan Tanah Melayu dipengerusikan oleh Lord Reid, bagi menggubal undang-undang dan Perlembagaan Tanah Melayu merdeka diterbitkan.

Suruhanjaya itu menggariskan aspek-aspek pembentukan Parlimen, perlantikan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalannya sebagai Ketua dan Timbalan Ketua negara. Kuasa Raja-Raja Melayu, hak istimewa orang-orang melayu, Agama Islam sebagai agama rasmi, perlantikan Perdana Menteri, pilihanraya dan lain-lain.

Tarikh merdeka hampir tiba. Pada 9 Mei 1957, Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj bersama Dato' Abdul Razak, Dato' V.T Sambathan, Dato' Omar Ong Yoke Lin dan Tuan Haji Mustapha Bakri, menyimpan mohor raja-raja ke London sekali lagi. Misinya untuk meneliti persiapan akhir bagi penyerahan kuasa kepada rakyat untuk memastikan kemerdekaan diisytiharkan pada tarikh yang dijanjikan.

Perisytiharan Merdeka

Pada 3 Ogos 1957, Raja-raja Melayu bersidang dalam satu persidangan khas untuk memilih dan melantik seorang Yang di-Pertuan Agong dan Timbalannya yang membawa kepada persetujuan melantik Tuanku Abdul Rahman Tuanku Mohammad sebagai Yang di-Pertuan Agong pertama.

Selain itu, surat perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dibuat pada 5 Ogos 1957 antara Sir Donald Charles Mac Gillivray dengan semua Raja-raja Melayu dari semua negeri. Mac Gillivray selepas menandatangani perjanjian itu yakin bahawa surat perjanjian itu adalah satu risalah kerajaan menentukan perlembagaan yang bersesuaian dengan kehendak semua bangsa yang tinggal di dalamnya.

Pada jam 12.01 tengah malam 31 Ogos 1957, Padang kelab Selangor berhadapan Bangunan Sultan Abdul Samad, Bendera Union Jack diturunkan dan Bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan. Bendera Union Jack diturunkan secara perlahan-lahan dengan iringan lagu 'God Save The Queen' dalam suasana yang penuh mengharukan. Tidak lama setelah bendera Persekutuan dikibar di puncak tiang, para hadirin diselubungi suasana sayu dan megah terutama semasa Tunku berjalan perlahan-lahan mengelilingi padang melambai dan melaungkan "MERDEKA" sambil berterusan disambut semua hadirin.

Sehubungan itu, Tanah Melayu akhirnya dapat mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957 dan lahirlah satu bangsa baru dengan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat seperti negara lain di dunia.

Pada 5 Ogos

1957

Surat perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dibuat antara Sir Donald Charles Mac Gillivray dengan semua Raja-raja Melayu dari semua negeri.

Tanah Melayu akhirnya dapat mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos

1957

شہوران کریمگان

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
دین اسلام اور ان سلام کائنات کے مسکنوں کے لئے

ہو اس اولہ کران تلہ قبائلہ ماسن، باکی اومہ فرسکتوان تانہ ملایو این تجافی طرف سواۃ عشا
بغردیکالائی بردواۃ سام ستمیل کدو دنگکنش دغن سکل بغسلا ساورہ دنیا

دان بہواسن اولہ کران دغن فرنجین بغد سبوتہ مان فرنجین فرسکتوان تانہ ملایو تاهون 1957
بغد فریوۃ دان تارولہ یغھاملیا بکنڈا کوئن دغن دولی، یغھاملیا اراج، کتری ملایو مک تلہ دفرستوجوی، ہوا کتری،
ملایو ریٹ جوہر، فمغ، کتری مسیان، سلاخور، قدح، فریس، کلتن، ترنگانو، دن فیرق سہ کتری یغدھولون
دغان کتری سلت بائت ملاک دان قولو فیغ مولوی درغد اڈہا دیولن اوکسغ تاهون 1957، ہندقلہ تجادی
سبواہ فرسکتوان ہماو باکی کتری، یغہر نام فرسکتوان تانہ ملایو

دان بہواسن اولہ کران تلہ برستوجو قول دان تارکد اولہ فیہق فرنجین یغتر سبوتہ بائت ملاک
دان قولو فیغ ہندقلہ درغد تاریخ یغتر سبوتہ ایت ہمت درغد تجادی سہا کین درغد ہامن تعلقو بکنڈا کوئن، دان
دولی یغھاملیا بکنڈا کوئن تیدق کئی برحق بجانکن اڈہا جو اکرولش بکنڈا دغس کدواہ بواہ کتری یغتر سبوتہ ایت

دان بہواسن اولہ کران تلہ برستوجو قول دان تارکد اولہ فیہق یغتر سبوتہ بائت فرنجین فرسکتوان تانہ ملایو تاهون 1948،
دان سکل فرنجین، لیٹن یغلا سکاغ دان تارولہ یغھاملیا بکنڈا کوئن دغن دولی، یغھاملیا اراج، اتوفون سالہ سنووغ درغد بکنڈا،
ایت سلوم تاریخ یغتر سبوتہ ہندقلہ بطلمن مولوی درغد تاریخ ایت، دان سحواقوا کولاس، دان حق، دولی یغھاملیا بکنڈا کوئن اتو
فون فریس کتری دوزنیٹیدہ کبغدم، دالم کتری سلت یغتر سبوتہ ایت اتوفون یغدھووغ دغن اتو کتری، ملایو اتوفون فرسکتوان تانہ ملایو ساورہ
اولہ تہن سنسروٹ

دان بہواسن اولہ کران دولی یغھاملیا بکنڈا کوئن، دولی، یغھاملیا اراج، ملایو، قولین کتری یونیتیا کبغدم دان مجلس اوندغن
فرسکتوان دان کتری، ملایو تلہ مالووسن فرنجین فرسکتوان تانہ ملایو تاهون 1957 ایت برجان قولو کولاس

دان بہواسن اولہ کران سبواہ فرسکتوان، باکی کرلیمان فرسکتوان تانہ ملایو تلہ، تنوک تجادی سواۃ قانون یغ معتمد باکین
دان بہواسن اولہ کران فرسکتوان یغتر سبوتہ ایت مک اد مدسکین شرط اتوق یغمال کسلامت حق دان کاؤتیمان
دولی یغھاملیا اراج، مسرہ حق، اساسی دان کیساسن سکاین رحیہ دان اتوق مجاموکن فرسکتوان تانہ ملایو دغن ایمان دان دامی سترہ تاور
سباکی سبواہ کرلیمان یغ مقو بائی، ارج یغہر فرسکتوان یغہر داسرکن دیو قراسی چار ابر قولین غ

دان بہواسن اولہ کران فرسکتوان یغتر سبوتہ ایت تلہ دلولووسن اولہ سواۃ اوندغ، یغداراکن اولہ مجلس اوندغن فرسکتوان
سرتہ دغن اوندغ، یغداراکن اولہ کتری، ملایو دن دغن کنتافن، دالم مجلس اوندغن کتری ملاک دان قولو فیغ، دغن دیکین فرسکتوان ایت
ناہ برجان قولو کولاسن قد اڈہا دیولن اوکسغ تاهون 1957

ماک دغن نام اللہ یغھاملیا مورج کئی مہامغسیہمانی، سائی نگار عید الرحمن شترالین الریحوم سلطان شہید العسید،
علیم شاہ، شرن منتری، باکی فرسکتوان تانہ ملایو، دغن فرستوجوان دان کران دولی، یغھاملیا اراج، کتری، ملایو دغن این
مشہور دان مانتہا کین باکی فیہق اومہ فرسکتوان تانہ ملایو ہوا مولوی درغد تیک قولہ سائو ہا دیولن اوکسغ تاهون سربوسیان
راتوس لیہ قولہ توجہ مک فرسکتوان تانہ ملایو یغ معندو غی دالم کتری، جوہر، فمغ، کتری مسیان، سلاخور، قدح، فریس،
کلتن، ترنگانو، فیرق، ملاک دان قولو فیغ دغن لیفہ حجۃ اللہ سبحانہ وتعالی کنککل تجادی سبواہ کفار دیو قراسی یغ مردیکادان
برودہ سرتہ براسرکن کڈ کیساسن دان کھادیان دان ستیاسن تجال دان مغلو تارک کجہ تارک دان کستوسان، عیدتہ دان مکھاکر کائمان
دان تارک سکل بغسا.

سید محمد
فرید منتری

کوال قنور
31 مارچ 1957

Antara bait ucapan Tunku pada hari penuh bersejarah itu:

“

“Ini merupakan detik paling bermakna dalam kehidupan rakyat Tanah Melayu, detik tengah malam menandakan lahirnya sebuah negara baru yang bebas dan merdeka. Kepada semua rakyat Tanah Melayu, inilah detik yang ditentukan, detik yang telah lama kita doakan-detik kebahagiaan dan kegembiraan. Berdoalah kepada tuhan, sama ada di masjid, kuil, gereja atau di rumah untuk mengucapkan kesyukuran dan terima kasih di atas rahmat dan kurnian-Nya ini. Ini adalah kebebasan untuk rakyat Tanah Melayu dan sebaik sahaja api kebebasan dinyalakan, biarlah kita sama-sama menjulanginya setinggi termampu agar semua dikeliling kita dapat menikmati kegemerlapannya.

Tidak kira siapa anda, hiduplah dengan harmoni di negara kita yang gemilang ini. Kita telah berusaha mencapai hari ini dan kemerdekaan ini dicapai bukan secara keganasan, akan tetapi melalui Perlembagaan, rundingan, persefahaman dan kepercayaan. Janganlah kita menyalahgunakan kepercayaan ini, akan tetapi menghormatinya agar orang lain akan menghormati kita, negara yang dilahirkan bermaruah akan terus gemilang membangun pada masa hadapan.”

Dalam detik kemenangan dan kegembiraan ini, janganlah kita lupa mereka yang telah berkorban berusaha menjadikan negara ini selamat untuk didiami. Semoga tuhan mencucuri rahmat ke atas mereka dan memberi ketenangan ke atas roh-roh mereka. Kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung yang telah bertungkus lumus menentang musuh dengan penuh berani dan kecekalan dalam keadaan baik dan buruk, kegigihan meneruskan usaha membangunkan ekonomi negara biar pun terpaksa mengharungi pelbagai cabaran,

Tanah Melayu akan sentiasa mengagumi keberanian anda. Kepada anda saya ucapkan terima kasih.”

Kepada belia negara ini, saya ingin bekalkan dengan sebuah pesanan. Anda mempunyai masa depan yang gemilang. Tidak seperti kami, anda kini memiliki negara yang bebas daripada sebarang taklukan kuasa asing. Anda akan membesar dengan megah sebagai Tuan di negara sendiri.”

Sebagai seorang tuan (warganegara) anda mempunyai keistimewaan serta tugas dan tanggungjawab tersendiri. Masa depan negara terletak di bahu anda, sama ada bintang anda akan bersinar atau pun pudar, semuanya bergantung hanya kepada anda.”

”

Petikan Ucapan
Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj



Dari kanan: Sultan Kedah, Sultan Pahang, Yang di-Pertuan Agong, Sir Mac Gillivray, wakil Ratu England, Sultan Selangor dan Raja Perlis menyaksikan Tunku Abdul Rahman melaungkan MERDEKA! sebanyak tujuh kali.







1 Pembukaan persidangan Dewan Perundangan oleh Yang di-Pertuan Agong yang pertama, Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad pada 3 September 1957.


2 Majlis Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama, Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad pada 2 September 1957 yang diadakan di Balairong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur. Baginda adalah Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ke-VIII yang telah ditabalkan pada 25 April 1934.





- 1 Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong yang pertama pada 31 Ogos 1957.
- 2 Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong dan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengiringi Sir Donald MacGillivray, bekas Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu yang akan kembali ke London selepas menghadiri upacara pengisytiharan kemerdekaan negara.





Penubuhan Malaysia

Pada 27 Mei 1961, dalam ucapan Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj di Majlis Makan Malam dalam Kelab Wartawan Asing Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura, Tunku menyuarakan gagasan percantuman Singapura, Sarawak, Brunie, Borneo Utara dan Persekutuan Tanah Melayu sebagai Persekutuan Malaysia. Atas galakan para pemimpin negeri-negeri di bawah pentadbiran British dalam Persekutuan Tanah Melayu, Tunku berangkat ke London pada 1 November 1961 untuk meninjau pandangan kerajaan British mengenai gagasannya.

Pertemuannya dengan Perdana Menteri British, Harrold Mc Millan jelas membayangkan persetujuan British terhadap gagasan Malaysia. Walau bagaimanapun, Indonesia dan Filipina menentang penubuhan Malaysia dan menganggap penubuhan Malaysia sebagai suatu penjajahan dalam bentuk baharu. Namun, Tunku berusaha menerangkan kepada keduanya tentang tujuan penubuhannya untuk melihat semua negeri yang masih di bawah pentadbiran British dibebaskan. Meskipun usaha damai Tunku sia-sia belaka ekoran Indonesia melancarkan Konfrontasi terhadap Malaysia (1962-1966). Berbekalkan semangat merdeka, pahit getir Konfrontasi dihadapi dengan jaya. Gagasan Malaysia diteruskan.

Pada Julai 1961, satu mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel, cawangan Tanah Melayu dan Borneo telah diadakan di Singapura. Mesyuarat tersebut telah bersetuju menubuhkan Jawatan Kuasa Perundingan Perpaduan Malaysia. Jawatan kuasa ini telah bermesyuarat empat kali, di Sabah pada bulan Ogos 1961, di Kuching, Sarawak pada bulan Disember 1961, di Kuala Lumpur pada bulan Januari 1962, dan di Singapura pada bulan Februari 1962.

Suruhanjaya Cobbold

Dalam mesyuarat di Singapura itu, Suruhanjaya Cobbold dibentuk pada 17 Januari 1962 dan dipengerusikan oleh Lord Cobbold, bekas Gabenor Bank England. Suruhanjaya itu dianggotai oleh Sir Anthony Abell, Dato' Wong Pow Nee, Sir David Watherson, dan Mohd Ghazali Shafie. Tujuan Suruhanjaya itu ialah meninjau pendapat rakyat negeri-negeri yang masih dijajah British itu sama ada menerima atau tidak Gagasan Malaysia.

Laporan Suruhanjaya Cobbold yang dikeluarkan pada 21 Jun 1962 tegas menyatakan suara majoriti tiap-tiap negeri mahukan Malaysia.

Dalam bulan Julai Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj bersama-sama pemimpin Singapura, Sarawak dan Borneo Utara telah ke London tidak lama selepas Laporan Suruhanjaya Cobbold diumumkan. Mereka pulang membawa persetujuan penubuhan Malaysia.

Pada 9 Julai 1963, wakil-wakil kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura telah menandatangani perjanjian bagi penubuhan Persekutuan Malaysia.

Pada 16 September 1963, Malaysia dimasyhurkan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Wawasan bagi penubuhan sebuah negara yang bersatu menjadi realiti dengan lahirnya sebuah negara yang dinamakan sebagai Malaysia. Singapura bagaimanapun dikeluarkan dari Malaysia pada 9 Ogos 1965.



- 1 Bacaan doa oleh Imam Masjid Negara demi kesejahteraan dan keamanan warga dan negara Malaysia.
- 2 Pengisytiharan Malaysia disambut dengan penuh rasa tanggungjawab Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj sebagai Perdana Menteri Pertama Malaysia.
- 3 Suruhanjaya Cobbold dengan ahlinya terdiri daripada kiri ialah Muhammad Ghazali Shafie, Wong Pow Nee, Lord Cobbold (Pengerusi), David Watherson dan Anthony Abell.



1 Perbarisan sempena majlis pengisytiharan penubuhan Malaysia.

2 Barisan Raja-Raja Melayu diiringi keluar ke pentas utama untuk mendengarkan pengisytiharan penubuhan Malaysia.

3 **"Semoga Malaysia dilimpahi kesejahteraan dan keamanan"**: Kelihatan barisan Raja-Raja mengaminkan doa yang dibacakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.





KRONOLOGI MENCAPAI KEMERDEKAAN

1511

24 Ogos
Melaka jatuh ke tangan Portugis.

1641

14 Januari
Penjajahan Belanda di Melaka.

1824

17 Mac
Tanah Melayu di bawah pengaruh kuasa British.

1942

15 Februari
Pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

1945

2 September
Jepun Menyerah kalah di Tanah Melayu dalam Perang Dunia II.
** Bintang Tiga menguasai Tanah Melayu (14 hari)*

12 September
Pentadbiran Tentera British (*British Military Administration*) di Tanah Melayu.

1946

1 April
Malayan Union ditubuhkan.

1948

21 Januari Perjanjian Pembubaran Malayan Union.
** Akibat penentangan daripada orang-orang Melayu melalui UMNO.*

1 Februari Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

17 Jun Keganasan Komunis di Tanah Melayu.
** Darurat diisytiharkan di Tanah Melayu.*

1951

Disember
Parti Perikatan terdiri dari UMNO dan MCA. Tahun 1954, MIC menyertai Parti Perikatan.

1955

27 Julai
Pilihan raya Persekutuan pertama diadakan. UMNO telah mengadakan kerjasama dengan MCA (ditubuhkan pada 27 Februari 1949) dan MIC (ditubuhkan pada Ogos 1946) membentuk Parti Perikatan untuk menghadapi pilihan raya tersebut.

10 Ogos
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj membentuk Kabinet pertama. Terdiri daripada 10 orang menteri, 2 timbalan menteri, 3 orang penolong menteri. Kabinet ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin dari UMNO-MCA-MIC.

Seramai 4 orang wakil daripada pegawai British yang masing-masing memegang portfolio sebagai Ketua Setiausaha Negara, Setiausaha Kewangan, Peguam Negara dan Setiausaha Kerajaan. Kabinet pertama ini menjadi asas kepada pembentukan berkerajaan sendiri selepas selepas merdeka pada 31 Ogos 1957.

28-29 Disember
Rundingan Baling selama dua hari di Sekolah Rendah (Inggeris) Baling di antara wakil kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan wakil Parti Komunis Malaya. Rundingan Baling gagal.

1955

14 Januari
Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj dan rombongan kemerdekaan tiba di London.

1957

18 Januari - 6 Februari
Tunku Abdu Rahman Putra Al-Haj mengetuai rombongan rundingan berkaitan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Lancaster House, London.

8 Februari
Perjanjian Kemerdekaan (Perjanjian London) telah dimeterai dengan menetapkan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

20 Februari
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah membuat Pengisytiharan tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Padang Pahlawan, Bandar Hilir, Melaka.

21 Mac
Suruhanjaya Perlembagaan Reid iaitu sebuah suruhanjaya bebas telah dibentuk untuk mengkaji dan menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. 131 memorandum bertulis diterima daripada orang perseorangan dan beberapa pertubuhan.

30 Ogos
Detik 12.00 tengah malam, bendera Union Jack diturunkan di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad dan diganti dengan bendera persekutuan Tanah Melayu sebagai tanda negara mencapai kemerdekaan.

31 Ogos
Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Tanggal 31 Ogos diabadikan saban tahun sebagai tarikh penuh bersejarah bagi seluruh rakyat Malaysia sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara. Namun, slogan, laungan merdeka dan cuti umum tidak membawa apa-apa kesan jika rakyat tidak menghayati dengan penuh kesedaran dan kesyukuran nilai kemerdekaan yang sebenarnya. Penghayatan kemerdekaan bukan sekadar melaung-laungkan perkataan merdeka. Ia merupakan penghayatan dan pemahaman maksud serta kepentingan mempertahankan kemerdekaan yang dikecapi.

Dalam usaha mencapai kemerdekaan daripada penjajah, semua negara di dunia mempunyai pelbagai kisah dan pengalaman tersendiri dalam memperjuangkan kemerdekaan. Ada yang berjuang sehingga berlakunya pertumpahan darah dan melibatkan kehilangan nyawa, ada yang terpaksa bersekutu dengan militan dan gerakan bawah tanah. Pada masa yang sama, ada juga yang percaya tanpa keganasan atau senjata boleh membawa kepada keamanan dan kemerdekaan.

Dalam konteks kemerdekaan negara ini, negara kita telah memilih untuk tidak melibatkan pertumpahan darah dan kehilangan nyawa, ia dicapai melalui cara yang berhemah iaitu melalui rundingan tanpa perlu menumpahkan darah. Inilah perkara paling unik yang membezakan Malaysia dengan negara-negara lain dalam perjuangan kemerdekaan setelah dijajah selama 446 tahun. Tarikh keramat 31 Ogos 1957 terus terpahat dalam

sejarah sebagai hari negara ini bebas dari cengkaman penjajah yang sentiasa menjadi dalang demi untuk kepentingan sendiri.

Mungkin ramai yang tidak mengetahui erti kemerdekaan yang sebenar. Erti kemerdekaan bukan sahaja bebas daripada cengkaman penjajah semata-mata malah kebebasan minda daripada terpengaruh dengana anasir-anasir luar yang mahu melihat berlakunya perpecahan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia.

Kemerdekaan telah mengangkat maruah dan kedaulatan negara. Ia adalah sesuatu yang tidak boleh dijual beli. Rakyat Malaysia yang cintakan negara wajar memelihara nama baik negara di mana sahaja mereka berada. Dari sudut keselamatan, maruah dan kedaulatan negara bukan sahaja dipikul oleh anggota keselamatan tetapi turut dipikul bersama oleh seluruh rakyat.

Kemerdekaan ini bukanlah takdir semata-mata tetapi adalah hasil usaha pejuang dan pemimpin terdahulu. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, marilah kita bersama-sama menjaga maruah serta kedaulatan negara. Sematkan juga di dalam diri semangat cintakan negara serta sentiasa menjaga dan menjulang nama baik Malaysia walau di mana kita berada.

Dalam usaha mencapai kemerdekaan daripada penjajah, semua negara di dunia mempunyai pelbagai kisah dan pengalaman tersendiri dalam memperjuangkan kemerdekaan. Ada yang berjuang sehingga berlakunya pertumpahan darah dan melibatkan kehilangan nyawa, ada yang terpaksa bersekutu dengan militan dan gerakan bawah tanah.

Jabatan Penerangan Merencana Perubahan Mendepani Cabaran

Sepanjang kewujudannya, Jabatan ini telah menyaksikan pelbagai peristiwa penting yang terakam abadi dalam lipatan sejarah negara. Zaman darurat, kemerdekaan Tanah Melayu, konfrontasi, peristiwa 13 Mei, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Pilihan raya umum dan sebagainya merupakan peristiwa-peristiwa yang menyaksikan pelibatan jabatan ini dengan caranya yang tersendiri.

Peristiwa 13 Mei 1969, yang meninggalkan titik hitam dalam sejarah Malaysia turut merakam pelbagai peristiwa mendebarkan di kalangan sesetengah anggota jabatan ini dalam melaksanakan tugas mereka. Tugas yang digalas merangkumi memberi penerangan mengenai perintah berkurung, menaikkan semangat rakyat supaya tenang menghadapi keadaan dan menerangkan rakyat akan ancaman dan bahaya semasa berlakunya rusuhan kaum. Apabila keadaan kembali pulih, Jabatan diberi tugas merapatkan kembali hubungan antara pelbagai kaum di Tanah Melayu.

Melindungi dan Membebaskan Pemikiran Rakyat

Pada zaman darurat, Jabatan ini memainkan peranan penting dalam melindungi dan membebaskan pemikiran rakyat daripada pengaruh komunis. Kepakaran anggota Jabatan ini dalam tugas gerak saraf dan perang saraf bagi menentang pengaruh komunis di kalangan rakyat diakui dan mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa.

Rakyat diajak untuk memberi sokongan kepada kerajaan dan tidak membantu pengganas komunis. Jabatan juga proaktif dengan mencetak risalah-risalah atau surat-surat rayuan yang ditujukan khas kepada saki-baki pengganas yang masih berada di hutan supaya mereka meletakkan senjata dan menyerah diri kepada kerajaan.

Pada tahun 1957 Jabatan telah melancarkan *counter subversion* atau kempen *anti-subversif* untuk menerangkan kepada orang ramai tentang bahaya *unsure subversive* kepada masyarakat dan negara.

Detik Menyambut Kemerdekaan

Menjelang detik-detik menyambut kemerdekaan negara, tanggungjawab Jabatan menjadi lebih penting. Rakyat diberi kefahaman tentang erti demokrasi dan bekerja sendiri. Tidak kurang pentingnya ialah usaha membentuk pemikiran rakyat ke arah kesetiaan kepada Persekutuan Tanah Melayu.


Pada hari keramat detik menyambut kemerdekaan negara, Unit-unit Bergerak Jabatan berada di tempat-tempat perhimpunan seluruh negara bagi menyediakan alat siar raya untuk pembacaan pengisytiharan kemerdekaan. Melalui peti radio yang disediakan oleh Jabatan di setiap Pusat Penerangan, orang ramai juga dapat mengikuti siaran secara langsung dari Stadium Merdeka. Secara tidak langsung semua rakyat dapat merasai kegemilangan hari bersejarah itu.



Jabatan Penerangan telah melalui pelbagai fasa dalam menjalankan peranannya untuk menyatupadukan minda rakyat berbilang bangsa sejak zaman penjajah, darurat, selepas merdeka dan sehingga kini.







- 1 2 Segala rintangan sanggup diharungi demi memberi khidmat kepada masyarakat.
- 3 Detik menjelang kemerdekaan, tanggungjawab Jabatan menjadi lebih penting.
- 4 Jabatan Penerangan bertanggungjawab memberi kefahaman erti demokrasi kepada rakyat.
- 5 Bersama menuju kegemilangan.

Cabaran Masa Kini

Pada masa ini Jabatan berhadapan dengan cabaran baharu untuk terus menyuntik semangat dan keyakinan rakyat agar memberikan kepercayaan kepada dasar-dasar negara yang dilaksanakan demi mempertahankan demokrasi negara, pembangunan ekonomi yang mampan, dan kemakmuran negara boleh terus dinikmati oleh semua golongan rakyat secara berterusan. Sehubungan itu, Jabatan Penerangan telah mengubah cara bekerja dan bergerak seiring dengan perkembangan menggunakan teknologi komunikasi tanpa melupakan cara komunikasi bersemuka dalam memasarkan maklumat kepada rakyat.

Jabatan terus relevan dan menjadi penggerak utama memasarkan dasar-dasar kerajaan. Antaranya Jabatan sebagai penggerak utama kepada Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen

Kibar Jalur Gemilang, Pertandingan Keceriaan Kemerdekaan Kebangsaan, Kembara Jalinan Kasih, Pertandingan Pengisahan Kenegaraan 1Malaysia, Pertandingan Pidato 1Malaysia, *Caring Bridge*, Komuniti 1Malaysia, Pewaris Muda, Gen-Y dan Diskusi Raja Berpelembagaan.

Kini, dengan usia Jabatan menjengah 107 tahun, Jabatan ini sentiasa berada di barisan hadapan dalam memberi maklumat dan penjelasan tentang dasar, program, aspirasi dan Wawasan negara kepada rakyat. Komitmen yang ditunjukkan oleh anggota Jabatan ini dari segenap peringkat dalam menunaikan tanggungjawab mereka kepada rakyat dan negara telah memberi sumbangan besar terhadap kejayaan Malaysia di segenap era.



Kembara Merdeka merupakan program Jabatan untuk meningkatkan semangat patriotisme dan rasa cinta kepada tanah air dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang bangsa.



Jalinan Kasih Jabatan Penerangan merupakan program turun padang Jabatan mendekati dan mendengar keluh kesah masyarakat di samping membantu golongan yang kurang berkemampuan.



Warga Jabatan sentiasa berada di barisan hadapan dalam memberi maklumat dan penjelasan tentang dasar, program, aspirasi dan wawasan negara kepada rakyat.



Peranan Jabatan pada masa kini diperluaskan sebagai penyelarar Sekretariat Merdeka sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara

Penghormatan menaikkan Jalur Gemilang secara rasmi buat pertama kali di negara ini masih terpatut dalam ingatan seorang pesara TLDM, Mohamad Sharif Kalam, 82 (kanan) dan Oliver Culvelt Samuel (kiri) yang menurunkan bendera Union Jack biarpun peristiwa itu sudah 60 tahun berlalu.



Wira Tak Didendang

Perit Jerih Di Zaman Komunis

Mohd Tap, 94, warga emas yang dilahirkan pada tahun 1923 di Kampung Liang Batu, Muar Johor ini tidak dapat melupakan keperitan hidup yang dialaminya pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Ketika berusia 21 tahun, bapa kepada 11 anak hasil perkongsian hidupnya dengan dua orang isteri ini, bertugas sebagai anggota *Auxillary Police* (AP) sebelum menyertai pasukan HomeGuard untuk mengawal kampung halamannya daripada ancaman musuh. Menurut Mohd Tap, ketika itu rakyat negara ini menjalani kehidupan yang penuh mencabar dan terpaksa menanggung pelbagai keperitan. Sesiapa yang menentang pentadbiran Jepun pasti dihukum tanpa sebarang rasa belas kasihan. Dia dan adik-beradiknya pernah melarikan diri ke hutan untuk mengelak daripada menjadi mangsa kekejaman tentera Jepun.

Apabila Jepun menyerah kalah kepada Tentera Berikat pada 2 September 1945, penduduk Tanah Melayu berasa amat lega kerana menyangka berakhir sudah detik-detik keperitan yang terpaksa mereka lalui akibat kekejaman tentera negara matahari terbit itu. Bagaimanapun, harapan mereka meleset kerana apabila Jepun menyerah kalah, muncul pula Parti Komunis Malaya (PKM) yang mengintai peluang untuk memerintah Tanah Melayu.

Walaupun PKM mendakwa mereka berjuang untuk membebaskan negara ini daripada belenggu penjajahan, namun tindakan mereka terhadap rakyat tiada bezanya dengan penjajah, malah dalam sesetengah keadaan, lebih kejam daripada Jepun dan Inggeris.



Komunis Tidak Berperikemanusiaan

Oleh kerana tidak tahan dengan gelagat dan kekejaman PKM, penduduk Tanah Melayu bangkit untuk menentang mereka. Akhirnya, dengan berkat semangat tidak rela menjadi mangsa kekejaman PKM, rakyat Tanah Melayu berjaya melindungi diri mereka daripada gerombolan yang tidak berperikemanusiaan itu. Mohd Tap berkata dia turut terlibat dalam perjuangan menumpaskan PKM.

Peristiwa bermula apabila ketua *Home Guard* bernama Abd Hamid Mohd Dom, 78, dituduh memberi bantuan beras kepada komunis. Pada mulanya Abd Hamid dilantik mengetuai pasukan itu yang mempunyai 12 anggota, termasuk Mohd Tap. Bagaimanapun, Abdul Hamid bernasib malang apabila dituduh membekalkan beras kepada komunis semata-mata kerana dia memiliki lesen untuk menjual bahan itu.



“Selidik punya selidik, pemilik kedai itu sebenarnya tali barut komunis. Selama ini dialah yang memberi bekalan beras kepada komunis. Patutlah saya dan orang Kampung Liang Batu dituduh memihak kepada komunis. Jadi, saya telah buat laporan kepada pegawai polis dan meminta untuk melakukan serangan terhadap komunis. Persetujuan diterima, kemudian saya bersama 12 orang anak buah terus mengatur strategi.

“Lebih kurang pukul 11 malam, bulan terang. Kami terdengar ketukan yang kuat. Komunis ketuk pintu kedai, komunis datang. Kami terus tembak. Tembakan pertama tak kena. Komunis lari. Saya terus beri arahan. Kepung, kepung, kita kepung!”

Hakikatnya Abdul Hamid terpaksa menyimpan bekalan berasnya di sebuah kedai runcit milik seorang pekedai berbangsa Cina bernama Ah Soon. Oleh kerana terlalu marah dituduh menjadi penyokong komunis, pada suatu malam, peniaga beras ini meletakkan guni berisi kulit bawang bercampur cili kering di kedai itu.



"Kampung Liang Batu, pada awalnya dikepung dengan pagar. Kemudian, pada satu malam selepas solat isyak di masjid, kami ternampak cahaya lampu bergerak menuju ke belakang kedai runcit. Ketika itu kami terus mengatur strategi. Saya bersama beberapa yang lain jaga di luar pagar dan selebihnya berkawal dalam kawasan pagar.

"Lebih kurang pukul 11 malam, bulan terang. Kami terdengar ketukan yang kuat. Komunis ketuk pintu kedai, Komunis datang. Kami terus tembak. Tembakan pertama tak kena. Komunis lari. Saya terus beri arahan. Kepung, kepung, kita kepung!" Selepas kami kepung, tembak menembak berlaku. Pada masa tu, hanya Allah saja yang tahu. Kami sekampung seperti ada keberanian luar biasa. Tembakan saya mengena. Seorang lagi kawan saya juga berjaya tembak komunis.

"Saya lihat mayat komunis tertiarap di bumi. Masa tu semangat kamibertambah. Saya tembak lagi dan kena lagi seorang. Kuasa tuhan, pada masa itu tiada satu das tembakan komunis pun mengena pada saya dan penduduk kampung," kata warga emas ini yang begitu bersemangat menceritakan tentang pengalamannya itu.

Mohd Tap berkata berkat kesepakatan penduduk dan pertolongan Allah, setiap kali komunis hendak menembak orang kampung, senapang mereka tidak meletup.

"Itulah kebesaran Allah. Komunis akhirnya menyerah kalah dan berundur ke hutan," katanya.

**Parti Komunis
Malaya (PKM)
mengintai peluang
untuk memerintah
Tanah Melayu,
setelah Jepun
menyerah kalah
kepada Tentera
Berikat pada 2
September**

1945





1 Pengawal keselamatan sedang berkawal.

2 Balai Polis Malaya pada tahun 1950.

Perjuangan Tidak Pernah Luntur

Che Minar Pahang atau dikenali sebagai Mak Tengah, dilahirkan pada 30 Disember 1921 di Kampung Manjor, Kelantan. Ketika berusia 17 tahun, dia menyertai pasukan *Home Guard* (HG) untuk mengawal keamanan dan keselamatan di kampungnya. Selepas menjalani latihan menembak selama tiga hari di Kem Gong Kedak, Pasir Puteh, Kelantan, wanita ini kembali ke Kampung Manjor dengan semangat yang berkobar-kobar untuk menentang pengganas komunis. Che Minar berkhidmat dalam *Home Guard* selama lapan tahun secara sukarela.

Wanita bersemangat waja ini dan rakan-rakannya merupakan serikandi Kampung Manjor, Kuala Krai yang bangkit mempertahankan negara daripada komunis ketika darurat pada tahun 1948. Tujuan komunis memasuki kampung ini adalah untuk menakluki dan memonopoli hasil pertanian orang kampung, termasuk padi.

Menyedari keberanian dan semangat juang yang tinggi pasukan Home Guard wanita ini, pengganas komunis terus melarikan diri. Beliau juga pernah menembak seorang wanita Orang Asli yang menjadi tali barut komunis.



Mengimbu sejarah perjuangan Che Minar, pada peringkat awal penyertaannya dalam *Home Guard*, wanita ini ditugaskan mengawal kampung ketika kaum lelaki menunaikan solat Jumaat dan solat berjemaah Maghrib dan Isyak. Tujuannya ialah untuk mengelak penganas mengancam penduduk kampung. Selepas itu, khidmat Che Minar dan rakan-rakannya terus diperlukan untuk mengawal keselamatan kampung bersama kaum lelaki.



Pasukan wanita pengawal kampung menjalani latihan

Srikandi Pelindung Desa

Tugas *Home Guard* ini dilakukan secara bergilir-gilir melibatkan 12 orang. Wanita mengandungi juga turut terlibat dalam menentang ancaman komunis ini. Sewaktu kaum lelaki solat berjemaah, komunis dari Manik Urai, Kuala Krai telah menyusup ke Kampung Manjor untuk menguasai kampung tersebut.

Bagaimanapun, niat jahat musuh rakyat itu berjaya dipatahkan oleh Che Minar dan rakan sepasukannya. Komunis mengalah kerana mereka gerun melihat wanita yang sarat mengandungi pun sanggup mengawal keselamatan kampung.

Menurut Che Minar, penganas komunis cuba merobohkan jambatan Manik Urai agar tentera tidak boleh masuk untuk menghulurkan bantuan termasuk makanan kepada penduduk kampung. Jalan kereta api dan sungai merupakan kaedah perhubungan alternatif pada masa itu. Apabila jambatan Manik Urai roboh akibat perbuatan khianat komunis, sumber makanan menjadi terhad, penduduk kampung terpaksa bergantung pada pisang bakar, ubi kayu, betik, rebung supaya tidak kebuluran.

Walaupun dalam keadaan kelaparan, penduduk kampung tetap meneruskan perjuangan. Semasa berkhidmat dalam HomeGuard Che Minar telah beberapa kali bertempur dengan komunis. Ketika Kampung Manjor diserang hendap oleh segerombolan komunis, beliau dan rakan-rakan membalas serangan itu.

Dalam pertempuran itu, menyedari keberanian dan semangat juang yang tinggi pasukan *Home Guard* wanita ini, penganas komunis terus melarikan diri. Beliau juga pernah menembak seorang wanita Orang Asli yang menjadi tali barut komunis. Orang Asli diupah oleh komunis untuk memotong dawai yang mengelilingi Kampung Manjor agar mereka boleh mencerooboh untuk merampas harta dan hasil pertanian serta mengganggu keselamatan kampung.

Namun bunyi yang dihasilkan daripada dawai yang tegang memberi isyarat kepada Che Minar dan rakan-rakannya bahawa penganas berada berhampiran kawasan kawalan dan terus menggagalkan niat musuh masyarakat itu.



Tubuh Dilapah Komunis

Dalam satu kejadian, rakan Che Minar bernama Bidah diculik oleh komunis kerana tidak mahu bekerjasama dan memberi maklumat kepada ejen komunis. Bidah diikat pada pokok lalu tubuhnya dilapah dan dihiris seperti daging lembu secara hidup-hidup. Kemudian dagingnya digoreng dan dimakan beramai-ramai.

Ditanya kenapa beliau sanggup memikul senjata untuk mengawal kampung, sedangkan beliau seorang wanita, Che Minar menjawab, "Saya takut komunis Bintang Tiga masuk ambil anak-anak dan adik beradik untuk disembelih."



"Dalam satu kejadian, rakan Che Minar bernama Bidah diculik oleh komunis kerana tidak mahu bekerjasama dan memberi maklumat kepada ejen komunis."

Betapa tingginya semangat juang yang mengalir dalam diri wanita ini dan rakan-rakannya yang sanggup mengenyahkan kepentingan peribadi demi menjaga keselamatan kampung. Pengorbanan dan keberanian Che Minar Pahang ini mendapat penghargaan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kelantan. Beliau diiktiraf sebagai pejuang negara. Kenangan paling manis yang masih terpahat dalam ingatannya ialah apabila gambar beliau dan rakan-rakannya bersama Sir Gerald Templer yang dirakam pada 1948 dipaparkan sebagai khazanah sejarah negara di ruang legar Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.

Bangunnya Untuk Berjuang

Sikapnya gemar berjenaka, ada sahaja sisipan lelucon sepanjang bicara bersamanya. Namun, di sebalik senyum tawanya bergengang juga mata Wa Leh ketika mengimbau saat dua rakannya, Majid dan Azis yang meninggal dunia diserang hendap tentera komunis.

Wa leh, 81 tahun, berasal dari Kuala Perlis, Perlis sayu tatkala penulis mengajukan soalan perjuangannya melawan komunis. Bertugas sebagai Prebet 2513, Wa Leh memulakan kerjaya di dalam Batalion II, Askar Melayu Diraja pada 22 Disember 1946.

Semasa bertugas di ibu pejabat Kem Kuala Lipis, beliau bersama-sama Askar Melayu dari Batalion ke II menjalankan operasi sekitar Kuala Lipis-Dabong-Gua Musang, menghantar bekalan kepada pasukan Askar Melayu di dalam hutan serta menjalankan rondaan sekitar kawasan tersebut. Di sinilah pasukannya diserang hendap sebanyak dua kali oleh pihak komunis.

Peristiwa pertama berlaku di Padang Tunku apabila pasukan Askar Melayu tidak dapat menyerang balas kerana serangan berlaku terlalu cepat dan bertubi-tubi. Serangan komunis ini telah menyebabkan tiga orang askar Melayu ditembak mati termasuk seorang Mejar berbangsa British dan beberapa orang lagi tercedera. Bangkit mahu menebus kekalahan peristiwa

itu, pada tahun 1949 Wa Leh ditukarkan ke Bukit Telaga, Pahang. Semasa di salah satu operasi, dendam terbalas apabila Wa Leh berjaya menembak mati seorang komunis.

Atas kejayaannya itu, Wa Leh telah dinaikkan pangkat ke Lans Koperal, RP (Regimental Police) dan ditugaskan di Butterworth, Pulau Pinang. Wa Leh mengakhiri bicara pada pagi itu dengan merungkai perjuangan leluhur terdahulu dalam mendapatkan kemerdekaan negara.



“Walau macam mana penderitaan yang kami tanggung, nak merdeka bukan perkara mudah, nak merdeka kita perlukan keamanan. Dulunya kita nak merdeka hanya setelah dunia aman. Kalau negeri kita dalam keadaan kucar kacir, kita tak dapat pun mempertahankan keselamatan. Yang paling penting kita mahu selamat, selagi ada manusia dan haiwan, tiada siapa yang tidak mahu selamat..”



- 1 Kawasan yang dipenuhi aktiviti komunis atau lebih dikenali sebagai 'Black Area' iaitu Negeri Sembilan, Segamat, Yong Peng, Johor, Pahang dan Perak.
- 2 Special Constable (SC) sedang mengawal.



Keringat Di tabur Demi Sebuah Perjuangan

Che' Sab@Sabudin Bin Taib, 92 atau lebih dikenali sebagai Pak Sab merupakan seorang mantan Operator Wayang Gambar pada 1947 di Jabatan Penerangan Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Perhubungan Raya.

Tugasnya agak mencabar kerana selain perlu membawa unit bergerak (lori) ke lokasi-lokasi tayangan wayang pacak, beliau juga perlu menyediakan dan menguruskan wayang pacak dapat dilaksanakan bagi menyampaikan dasar kerajaan selain salah satu daripada usaha memenangi hati rakyat untuk memperjuangkan kemerdekaan.

Menceritakan detik cemas sewaktu beliau ditugaskan membawa unit bergerak bagi tayangan wayang pacak di Bukit Fraser, tanpa disangka mereka diserang hendap oleh pengganas komunis.

“Serangan bertubi-tubi dari pihak komunis menyebabkan hampir dua jam kami yang bersama-sama rombongan Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Tanah Melayu diserang hendap oleh pihak lawan. Nasib tidak menyebelahi, apabila Sir Henry Gurney mati ditembak dalam serangan hendap pengganas komunis tersebut. Bagaimanapun, pasukan tentera Gurkha yang mengiringi rombongan berjaya mematahkan serangan dan pihak musuh berundur,”

kata Pak Sab yang telah berkhidmat hampir 33 tahun.



Namun, insiden itu tidak mematahkan semangat dan kekentalan Pak Sab dan rakan-rakan untuk terus memberikan perkhidmatan kepada penduduk Bukit Fraser apabila meneruskan tayangan wayang pacak di sana. Semangat juang inilah yang perlu ada dalam diri setiap individu meskipun ditimpa onak dan duri.

Tiga bulan kemudiannya, ketika ditugaskan mengendalikan wayang pacak di Triang, Pahang, layar wayang tiba-tiba jatuh kerana tali pengikat layar terputus. Pak Sab sedar ini adalah angkara tali barut komunis yang menyamar sebagai penonton pada hari itu. Beliau memberhentikan tayangan dan berjaya mengawal keadaan bagi

mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan berlaku. Risalah berbaur ancaman yang tertulis 'Kamu semua tali barut Inggeris' juga bertebaran di sana sini.

Insiden ini sedikit pun tidak mematahkan semangat juang yang tinggi Pak Sab dan rakan-rakan dalam memastikan agenda negara bagi mendapatkan kesepaduan hati rakyat dalam menuntut kemerdekaan tanah air tercapai. Perkhidmatan wayang pacak tetap diteruskan meskipun melalui pelbagai rintangan demi memastikan rakyat Persekutuan Tanah Melayu bebas daripada cengkaman penjajah.

“Selama 33 tahun pelbagai liku hidup dan kerjaya yang saya lalui, suka-duka, pahit-manis dan pelbagai lagi yang tidak dapat dirakamkan dan tersemat rapi dalam ingatan saya. Justeru saya berdoa semoga saudara-saudari bekerjalah sebaik-baiknya kerana Jabatan Penerangan tetap unggul dan relevan sebagai mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat kepada rakyat seperti kata pepatah ‘ular menyusur akar tidak hilang bisanya’,”

katanya yang juga berharap agar golongan muda sentiasa memperkukuhkan jati diri cintakan tanah air.



Saudara-saudara yang dihormati sekalian,
Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan
terima kasih atas kesudian diri saya mengenai
masa-masa saya masih bertugas dengan
Jabatan Penerangan dari Tahun 1947-1980
(selama 33 tahun)

Selama 33 tahun berbagai-bagai liku hidup saya
lalui, suka-duka, pahit-manis, dan berbagai-bagai
lagi yang tak dapat dirakamkan dalam buku kecil ini.
Akhirnya, secara ringkas saya ucapkan Terima Kasih
kepada semua yang biasa bertugas dengan saya
yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan
teguran-teguran yang memberi banyak munafa'at
pada diri dan tugas-tugas saya selama berada
di dalam Jabatan Penerangan Malaysia. Saya berdoa,
semoga saudara-saudara berada dalam keadaan
sejahtera dan bahagia dalam hidup hari ini dan
hari-hari akan datang. Berkerjalah sebaik-baiknya
kerana Jabatan yang Saudara kerja sekarang
untuk Bangsa dan Negara yang dicintai MALAYSIA

Wassallaw.

"SELAMAT NEGARAKU MERDEKA 60 TAHUN!"



(KHE'SAB @ SABUDIN BIN TAIB)

TARIKH: 19. JUN. 2017.



Orang ramai tidak melepaskan peluang untuk menonton tayangan wayang pacak Jabatan Penerangan.



Meskipun mengharungi pelbagai rintangan dan kesukaran, Pak Sab dan rakan-rakan komited meneruskan tanggungjawab yang digalas.



Teliti... Operator Wayang Pacak perlu menyediakan dan menyelaras wayang pacak bagi memastikan penyampaian mengenai dasar kerajaan itu sampai kepada rakyat.

Tan Sri C.C.Toos Ketua Perang Saraf Anti Komunis Ketika Darurat

Meskipun, Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada 31 Ogos 1957, Parti Komunis Malaya (PKM) enggan mengiktiraf kemerdekaan ini dan masih mengangap Malaya masih di bawah telunjuk British.

Selepas Merdeka, operasi perang saraf atau dikenali operasi PsyOps ke atas komunis di seluruh Tanah Melayu diteruskan sejak darurat diisytiharkan pada tahun 1948. Operasi PsyOps pada waktu itu dipelopori beliau yang dikenali sebagai Tan Sri Dr. C.C. Too. Beliau dilahirkan di Kuala Lumpur pada tahun 1920. Beliau bertugas di Unit Perang Saraf, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari tahun 1951 sehingga persaraan beliau pada tahun 1983. Beliau adalah orang yang bertanggungjawab merancang taktik terbaik untuk memujuk ahli komunis meletakkan senjata. Sebelum kehadiran beliau taktik yang digunakan oleh British adalah kurang efektif.

Ketua Unit Perang Saraf

Masalah pada waktu itu ialah pegawai British tidak mempercayai kakitangan berbangsa Cina yang dianggap pro komunis. Tan Sri Too pada awalnya meletak jawatan kerana keengganan pegawai atasan British untuk berkongsi maklumat yang boleh digunakan sebagai bahan propaganda. Beliau mengkritik taktik yang digunakan British yang dirasakan kurang memahami budaya Cina.

Selepas beliau menjadi Ketua Unit Perang Saraf Persekutuan Tanah Melayu) Head of the Psychological Warfare Section of the Federation of Malaya), Tan Sri Too menukar taktik yang sedia ada. Risalah propaganda yang dihasilkan **bukan lagi berunsur fakta, tetapi lebih kepada menunjukkan kegagalan komunis.** Tan Sri Too faham dan akui, orang Cina tidak suka "dibacakan khutbah" tentang kebaikan pihak pemerintah tetapi lebih mudah mempercayai keburukan anggota PKM.

Risalah Propaganda

Beliau juga menyedari wang ialah cara terbaik untuk memujuk ahli komunis yang kelaparan di tengah hutan. Selain itu beliau juga menerbitkan risalah yang berwarna seperti tanah dan pasir. Ini bagi memudahkan ahli PKM yang ragu-ragu dengan perjuangan untuk menyembunyikannya daripada ketua mereka.



“Orang Cina tidak suka “dibacakan khutbah” tentang kebaikan pihak pemerintah tetapi lebih mudah mempercayai keburukan anggota PKM.”

Ratusan juta helai risalah propaganda anti komunis ditaburkan di kawasan-kawasan yang dipercayai menjadi kubu kuat komunis. Pada tahun 1949 sahaja 3,750,000 naskah naskah akhbar dan 50 juta risalah propaganda digugurkan! Pada tahun 1956 pula 100 juta risalah propaganda digugurkan.

Antara taktik perang saraf yang digunakan adalah, risalah paparan mayat anggota komunis yang terkorban, hipokrasi anggota tertinggi PKM, wajah anggota tertinggi PKM dengan wanita simpanan mereka dan ganjaran kepada anggota komunis yang berjaya membunuh ketua mereka serta ganjaran berupa wang kepada mereka yang menyerahkan senjata. Kebanyakan risalah yang digugurkan adalah dalam bahasa Cina namun terdapat juga dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Tamil.

Antara tujuh taktik yang digunakan ialah **printing, packing and distribution; interrogation; translations; documentary research; and the consolidation of sorting, interrogations and translations.**

Semua risalah ini digugurkan melalui pesawat ke hutan-hutan tempat persembunyian komunis. Selain penggunaan risalah, sistem audio juga digunakan. Pesawat C-47 Dakota dilengkapi dengan sistem pembesar suara berkuasa tinggi Magnavox dan

boleh didengari sejauh tiga batu jauhnya.

Pengiktirafan

Kehebatan Tan Sri Too diiktiraf sehingga beliau dilantik menjadi Penasihat bahagian Psychological Warfare and Counter-Insurgency tentera Amerika. Kepakaran beliau digunakan oleh tentera Amerika Syarikat ketika Perang Vietnam. Tan Sri Too dikurniakan pangkat Tan Sri oleh Yang di-pertuan Agong Almarhum Sultan Iskandar pada tahun 1986. Beliau meninggal dunia pada tahun 1992.



Operasi pengguguran risalah propaganda dilakukan menggunakan pesawat C-47 Dakota, Taylorcraft Auster dan Vickers Valetta milik Royal Air Force.

消滅共黨

共產黨是瘋狂的殺人兇手。如果你們包庇他們，簡直是引狼入室。你們和家人帶來災禍和死亡。竊賊共產黨徒的人應與共產黨同罪，而共產黨一定會害虫般被消滅。你們要注意，切勿與共產黨往來，否則你們必受他們的毒害，自取滅亡。因為他們終會被消滅的。

這是馬共中央劉亮亮結的局 203

REWARDS
for information

Substantial **REWARDS** will be paid to all who co-operate with the authorities in providing information about Intimidators and Gangsters.

The source of all information given to the Police is kept Secret.

Up to **\$2,000** have been paid to a person who has given useful Information.


Communicate with the Police by every means possible.

Useful Information
EARNs
CASH


EMERGENCY REGULATIONS
are
NOW IN FORCE

HOW DO THEY AFFECT YOU?

Antara jenis risalah yang digugurkan adalah mesej agar askar komunis menyerah diri. Sebelum Merdeka Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj membuka tempoh pengampunan kepada askar komunis yang menyerah diri secara sukarela.



- 1 Mesej propaganda disiarkan oleh pesawat Dakota dan Auster dari Penerbangan Skwadron Tentera Udara Diraja 267.
- 2 Operasi perang saraf anti komunis giat dijalankan.
- 3 Buku yang menceritakan kisah Tan Sri C.C. Too sebagai Ketua Perang Saraf yang digeruni.



Trivia Merdeka



1 Tarikh kemerdekaan Tanah Melayu buat pertama kalinya oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 20 Februari 1956 di Padang Pahlawan Bandar Hilir Melaka.



2 Bendera Malaysia dikibarkan buat pertama kalinya pada 26 Mei 1950 di Istana Sultan Selangor, Kuala Lumpur. Bendera yang kemudian digelar Jalur Gemilang direka oleh Mohamad Hamzah seorang arkitek di Jabatan Kerja Raya Johor Bahru dalam pertandingan mereka bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu.

3 Lagu Kebangsaan Malaysia yang berjudul "Negaraku" diadaptasi dari lagu Perancis berjudul "La Rosalie" ciptaan Pierre Jean de Beranger. Manakala melodinya diadaptasi dari lagu "I shall return" ciptaan Anne Shelton. Sebelum itu melodinya turut dijadikan Lagu Negeri Perak.



4 Perarakan menuntut kemerdekaan daripada pelbagai kaum diadakan pada 7 Julai 1954 di Kuala Lumpur. Perarakan ini bagi menuntut kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dari pihak British secara aman.



6 Pada 30 Ogos 1957 tepat jam 12.00 tengah malam di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur, upacara menurunkan bendera Union Jack diadakan bagi menandakan berakhirnya penjajahan British di Tanah Melayu dan lahirnya sebuah negara baru yang berdaulat. Bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dinaikkan oleh anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sambil disaksikan sendiri oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

7 Stadium Merdeka yang menjadi lokasi upacara Pemasyhuran Kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957, telah disempurnakan pembukaannya rasminya oleh Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 30 Ogos 1957. Stadium yang siap dibina pada 21 Ogos 1957, direkabentuk oleh S.E. Jewkes dari Cawangan Kejuruteraan Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Persekutuan. Perletakan batu asas Stadium Merdeka telah disempurnakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 15 Februari 1957.

5 Rombongan kemerdekaan pertama bertolak ke London pada 18 Januari 1956 diikuti rombongan kedua pada 27 Disember 1955.




8 Pemasyhuran Kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj diisytiharkan pada 31 Ogos 1957. Antara perkara yang dinyatakan dalam pemasyhuran ini adalah semua negeri Melayu termasuk Melaka dan Pulau Pinang akan kekal menjadi sebuah negara yang berdaulat dan merdeka serta berpegang kepada prinsip demokrasi.



9 Tarikh 31 Ogos sebagai hari Merdeka telah dipilih dalam mesyuarat antara Ketua Pemuda UMNO Tun Sardon Jubir dan Timbalannya, Haji Ahmad Badawi (bapa Perdana Menteri Malaysia ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi) di Kepala Batas, Pulau Pinang pada 1956. Mufti Pulau Pinang, Haji Abdullah Fahim (bapa Haji Ahmad Badawi) turut serta dalam perbincangan tersebut.

10 Tarikh asal penubuhan Malaysia yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak adalah pada 31 Ogos, 1963. Namun apabila tarikh tersebut tiba dan perbincangan tidak selesai, penubuhan Malaysia ditangguh kepada 16 September, 1963.



11 Reka bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu telah diilhamkan oleh seorang arkitek Jabatan Kerja Raya Negeri Johor, Mohamed Hamzah melalui satu pertandingan mereka cipta bendera peringkat Kebangsaan pada Mei 1948.

12 Laungan MERDEKA sebanyak tujuh (7) kali telah dilautkan buat pertama kali pada 20 Februari 1956 di hadapan kira-kira 100,000 orang yang berkumpul di Padang Bandar Hilir, Melaka sejurus Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bersama delegasi tiba untuk mengumumkan hasil rundingan Perjanjian London bersama pihak British untuk menuntut kemerdekaan telah berjaya. Dalam laungan tersebut, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah menggenggam erat tangannya bermaksud kemerdekaan kini berada dalam genggaman Persekutuan Tanah Melayu. Negeri Melaka turut dipilih sebagai tempat untuk mengumumkan keputusan yang diperolehi semasa Delegasi Kemerdekaan pulang dari London kerana Melaka adalah tempat pertama negara dijajah.



13 Tangan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dibuka dan dijulung sewaktu laungan merdeka kali kedua di Stadium Merdeka untuk memberitahu bahawa negara ini secara mutlaknyanya telah mendapat kemerdekaan secara rasmi.

14 Sir Donald McGillivray merupakan Pesuruhjaya Tinggi terakhir yang berkhidmat di Persekutuan Tanah Melayu (1954-1957). Beliau dan isteri Lady McGillivray diiringi dengan penuh hormat oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Khurshiah sebelum menaiki penerbangan ke London di Lapangan Terbang Sungai Besi pada Ogos 1957.



Ceritera Anak-anak Malaysia

Jabatan Penerangan Malaysia mengambil inisiatif mengumpulkan seramai 35 orang anak-anak Malaysia yang lahir pada 31 Ogos 1957 dan 16 September 1963 sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2017. Program yang diadakan di Dewan Cendekiawan, Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR), Angkasapuri, Kuala Lumpur pada 15 Ogos 2017 itu dianjurkan adalah bertujuan menanam semangat patriotisme dan cintakan negara di samping menyatukan individu-individu yang lahir pada tarikh unik tersebut.

Sejak 2007, Jabatan Penerangan Malaysia telah mula menganjurkan program Perhimpunan Anak-anak Merdeka dengan pelbagai acara telah dilaksanakan antaranya Majlis Mengadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Ke-XIII di Istana Negara, Kunjungan Hormat Bersama Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dan menjadi tetamu di acara perbarisan dan perarakan Hari Kemerdekaan ke-50. Program ini diteruskan pada tahun ini dengan Program Anak-anak Malaysia 2017 yang dirasmikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak merupakan salah satu daripada 16 program anjuran Jabatan Penerangan yang dirancang pada tahun ini. Program ini amat signifikan dengan sambutan hari kebangsaan negara memandangkan mereka berkongsi usia yang sama dengan kemerdekaan negara.



“Nama merdeka itu perlu dijaga dengan baik melalui setiap perbuatan dan tutur kata bagi mengelakkan dipandang negatif masyarakat. Sedikit sebanyak saya dapat menghayati diri dengan erti sebenar kemerdekaan negara sekali gus menjadi rakyat yang baik untuk masyarakat dan negara.”

Ketika berpeluang menemuramah seorang anak-anak Malaysia yang lahir pada 31 Ogos 1957, **Mat Merdeka Embun, 60** mengakui nama merdeka yang diberikan oleh ibu bapanya bukan sekadar untuk dibanggakan bahkan perlu dipikul dengan tanggungjawab.

“Nama merdeka itu perlu dijaga dengan baik melalui setiap perbuatan dan tutur kata bagi mengelakkan dipandang negatif masyarakat. Sedikit sebanyak saya dapat menghayati diri dengan erti sebenar kemerdekaan negara sekali gus menjadi rakyat yang baik untuk masyarakat dan negara,” katanya yang juga merupakan anggota polis Bukit Aman dan telah berkhidmat selama 40 tahun. Baginya inilah sedikit sumbangan yang dapat dilakukannya dalam mengekalkan kemerdekaan negara.



Anak-anak Malaysia bergambar kenangan pada Majlis mengadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Ke-XIII di Istana Negara pada 2007.



Kunjungan anak-anak Malaysia ke Pejabat rasmi Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada 2007.



Mat Merdeka mendeklamasikan sajak pada program Anak-anak Malaysia sambil diiringi oleh pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 8(1), Putrajaya.

Seorang lagi anak Malaysia yang ditemui, Lee Ah Kiew, 60 menyatakan rasa kagumnya mempunyai tarikh lahir yang sama dengan tarikh kemerdekaan negara.

"Saya merasa sangat bangga apabila dapat berkongsi tarikh ulang tahun kelahiran sama dengan kemerdekaan negara iaitu 31 Ogos 1957. Saya bangga kerana tidak ramai orang mempunyai tarikh lahir unik seperti ini," kata anak Malaysia yang berasal dari Pontian, Johor ini.



"Saya merasa sangat bangga apabila dapat berkongsi tarikh ulang tahun kelahiran sama dengan kemerdekaan negara iaitu 31 Ogos 1957. Saya bangga kerana tidak ramai orang mempunyai tarikh lahir unik seperti ini."



Lee Ah Kiew turut ditemu bual dalam sesi santai meraikan anak-anak Malaysia.

Selain itu, Muhammad Ahmad, 60, dari Parit, Perak turut melahirkan rasa teruja setiap kali sambutan Hari Kemerdekaan Negara.

"Orang ramai memanggil saya sebagai 'Mat Deka' sejak kecil lagi dan ini sangat membanggakan kerana saya lahir pada 31 Ogos 1957. Gelaran ini diberi sempena kemerdekaan negara," katanya lagi.



"Orang ramai memanggil saya sebagai 'Mat Deka' sejak kecil lagi dan ini sangat membanggakan kerana saya lahir pada 31 Ogos 1957. Gelaran ini diberi sempena kemerdekaan negara."



Ujar Margaret a/k Stephen Kurin, 54, anak Malaysia yang lahir pada 16 September, berasal dari Kuching, Sarawak peluang untuk berkumpul dalam satu program sebegini wajar diteruskan pada masa akan datang.

“Sekurang-kurangnya peluang sebegini dapat memberi peluang kepada saya menghayati dan mendekati diri dengan erti sebenar kemerdekaan negara sambil berkongsi pengalaman dan cerita daripada generasi anak-anak Malaysia yang lain.” katanya.

“Sekurang-kurangnya peluang sebegini dapat memberi peluang kepada saya menghayati dan mendekati diri dengan erti sebenar kemerdekaan negara sambil berkongsi pengalaman dan cerita daripada generasi anak-anak Malaysia yang lain.”



Datuk Seri Salleh Said Keruak menyarungkan mafla kepada salah seorang anak Malaysia, Abu Bakar Ismail.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak menurunkan tandatangan di Ekspresi Anak Malaysia dengan diiringi Dato' Ibrahim Abdul Rahman Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak (tengah) bergambar bersama-sama anak-anak Malaysia





1 Dato' Ibrahim Abdul Rahman, Ketua Pengarah Jabatan Penerangan memberikan ucapan aluan pada majlis sambutan Anak-anak Malaysia 2017



2 Anak-anak Malaysia turut menerima kad Diskaun Pengguna KPDKK untuk kemudahan membeli belah di hampir 500 rakan dagang seluruh negara.

2 Sesi memotong pulut kuning tanda meraikan sambutan hari kelahiran anak-anak Malaysia bersama-sama Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak (empat,kanan).



3

Kuala Lumpur Dulu dan Kini



BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD

Bangunan Sultan Abdul Samad pada tahun 1906. Bangunan ini dibina dengan kos sebanyak RM152,000. Pembinaannya mengambil masa hampir tiga tahun.

*Arkib Negara Malaysia:
No. Penerimaan 2001/0011180*





BANGUNAN PENTADBIRAN KERETAPI TANAH MELAYU

Bangunan pentadbiran Keretapi Tanah Melayu, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur.

Arkib Negara Malaysia:
No. Penerimaan 2001/0032005



HOSPITAL TANGLIN

Hospital Tanglin, Jalan
Cenderasari, Kuala Lumpur.

Arkib Negara Malaysia:
No. Penerimaan 2001/0011696





MASJID JAMEK

Masjid Jamek, Kuala Lumpur dibina pada 1908 dengan perletakan batu asas dilakukan oleh Sultan Selangor, Sultan Alauddin Sulaiman Shah pada 23 Mac 1908 dengan dirasmikan pada 23 Disember 1909.

*Arkib Negara Malaysia:
No. Penerimaan 2001/0032268*



BANGUNAN MARA

Bangunan MARA tersergam di tengah-tengah Bandar Raya Kuala Lumpur, bersempadankan dua jalan raya yang amat sibuk iaitu Jalan Raja Laut di hadapan dan Jalan Tuanku Abdul Rahman di sebelah belakangnya. Ia telah dibuka secara rasmi oleh YAB Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 12 April 1987.

Arkib Negara Malaysia:
No. Penerimaan 2001/0032406





PASAR SENI

Pasar Budaya atau Pasar Seni ialah sebuah tempat menarik di sekitar bandar raya Kuala Lumpur, Malaysia. Lokasinya terletak berhampiran Sungai Klang, iaitu berdekatan dengan bangunan Dayabumi.

*Arkib Negara Malaysia:
No. Penerimaan 2001/0032603*



MASJID NEGARA

Masjid Negara Malaysia,
Kuala Lumpur.

*Arkib Negara Malaysia:
No. Penerimaan 2001/0032357*





PANGGUNG COLISEUM

Panggung wayang Coliseum, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

Arkib Negara Malaysia:
No. Penerimaan 2001/0032905



HOTEL MAJESTIC KUALA LUMPUR

Hotel Majestic. Jalan Damansara,
Kuala Lumpur

Arkib Negara Malaysia:
No. Penerimaan 2001/0011706



60 Tahun Penuh Gemilang

Menyorot 60 tahun kemerdekaan negara, pelbagai aspek pembangunan dapat dilihat kepesatannya termasuk dalam sektor politik, ekonomi, dan sosial. Sememangnya, kemampuan dan kewibawaan kerajaan yang memerintah sejak dahulu lagi, telah melonjakkan nama negara ke persada antarabangsa seterusnya meletakkan negara sebaris dengan negara membangun yang lain.





Walaupun usia kemerdekaan Malaysia yang mencapai 60 tahun ini secara relatif dianggap muda berbanding negara lain, namun kestabilan dan kepesatan pembangunan yang dialami negara ini mengatasi sesetengah negara yang telah lama merdeka.






Politik

Kesepaduan menjadi teras kepada keteguhan politik Malaysia dari dulu hingga kini, menjadikannya disegani oleh masyarakat antarabangsa.

Di Malaysia, gerakan politik lebih menjurus kepada usaha mewujudkan kestabilan negara yang menjadi tunjang kepada perpaduan dan kemajuan rakyat.

Parti Perikatan Jayakan Kemerdekaan Tanah Melayu


Parti Perikatan yang terbentuk dari UMNO, MCA dan MIC yang berjaya memenangi pilihan raya 1955 melambangkan kesepaduan suara dan hasrat rakyat demi menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada tampuk penjajah.





**Tan Sri Razali Ismail,
Presiden Majlis Keselamatan
PBB Pertama Dilantik Daripada
Kalangan Pemimpin Asia**

Tan Sri Razali Ismail, merupakan anak Malaysia dan pemimpin Asia yang pertama dilantik sebagai Presiden Majlis Keselamatan PBB dari tahun 1989 hingga 1990.



Penyertaan Dalam ASEAN Serlah Komitmen Malaysia di Mata Dunia

Malaysia menganggotai ASEAN pada 8 Ogos 1967 dan menjadi negara membangun yang pertama mengutarakan idea tentang Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) sebagai langkah positif untuk menentang arus kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).



Malaysia sering diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah persidangan antarabangsa kerana mendapat kepercayaan masyarakat dan pertubuhan antarabangsa terhadap kestabilan politik. Malaysia pernah dilantik sebagai tuan rumah pelbagai persidangan antarabangsa antaranya *The Non-Aligned Movement* (NAM), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pengerusi ASEAN 2015 bagi penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN ke-26.

Tuan Rumah Persidangan Politik Sejagat



27th ASEAN SUMMIT

Ceremony of the ASEAN Convention Against Trafficking in Persons, Especially Women and Children

Kuala Lumpur, Malaysia 21 November 2015



Pelan Transformasi Kerajaan (GTP)

Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada tahun 2009. Ia bertujuan mentransformasi kerajaan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Inisiatif ini mempunyai dua objektif utama bagi merealisasikan konsep "1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" iaitu, menjadikan kerajaan sebuah entiti yang lebih efektif dan bertanggungjawab serta menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju, bersatu-padu, selamat dan adil dengan kualiti yang tinggi untuk semua.



DASAR TRANSFORMASI NASIONAL

Dasar Transformasi Nasional (DTN)

Di bawah Dasar Transformasi Nasional (DTN) melaluinya, ia disusuli dengan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dengan 7 NKRA, Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan 12 NKEA dan Model Baru Ekonomi dengan 8 Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). DTN amat menitikberatkan aspek kualiti, sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan khususnya dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi.



Transformasi Nasional (TN50)

Transformasi Nasional 2050 (TN50) merupakan satu inisiatif pembangunan negara yang merangkumi tahun 2020 hingga 2050. Ia adalah kesinambungan daripada Wawasan 2020 seterusnya rancangan memajukan negara untuk 30 tahun akan datang. TN50 juga menyediakan rakyat untuk berhadapan dengan Revolusi Perindustrian Keempat yang memberi penekanan mendalam dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bagi proses peralihan negara menjadi masyarakat yang berasaskan pengetahuan dan inovasi.



Ekonomi

Bidang ekonomi merupakan salah satu daripada perkara utama dalam memastikan status sesebuah negara itu sama ada maju atau mundur. Dengan perkembangan ekonomi yang stabil dan mantap ia memperlihatkan kekukuhan pentadbiran dan pengurusan ekonomi negara yang dilaksanakan dengan penuh penelitian dan kerjasama padu daripada para pemimpin serta semua pihak.



DEB Menghapuskan Kemiskinan

Sebelum kemerdekaan, British telah mengamalkan dasar pecah dan perintah dengan menentukan bidang ekonomi mengikut kaum hingga menyebabkan kadar kemiskinan negara yang ketara. Oleh itu, kerajaan bertekad untuk menghapuskan kemiskinan dan merupakan antara objektif utama dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB). Pada tahun 1970 kira-kira 5% berbanding hampir separuh daripada isi keluarga berada di bawah paras kemiskinan.



Selepas kemerdekaan, Malaysia telah berjaya memajukan ekonomi dengan usaha berterusan yang penuh dengan semangat kegigihan dan kecekalan. Antara kesannya perkembangan ekonomi Malaysia ialah penurunan kadar kemiskinan mutlak di Malaysia daripada kadar 42.4% pada tahun 1976 kepada 5.1% pada tahun 2010.

Selain itu, **bilangan isi rumah miskin di Malaysia** juga telah berkurangan dengan banyak daripada kira-kira

1,100,000 isi rumah pada tahun 1970 kepada kira-kira **22,198** isi rumah pada tahun 2010.



Ekonomi Malaysia Berada Dalam Kedudukan Terbaik dunia

Penarafan kepada Malaysia yang diiktiraf oleh Badan-Badan Penarafan Berwibawa pada peringkat antarabangsa membuktikan ekonomi Malaysia yang kukuh dan padu. Antaranya:



2015 & 2016

Laporan Daya Saing Global (Global Competitiveness Report) oleh World Economic Forum - Malaysia berada di tangga ke-18 pada tahun 2015 dan telah naik di tangga ke-9 pada 2016, . satu-satunya emerging market, yang tersenarai dalam sepuluh negara teratas.

2003

Laporan oleh *Institute for Management Development* (IMD) - **Malaysia Diiktiraf Negara Keempat Paling Berdaya Saing** di kalangan negara-negara berpenduduk lebih daripada 20 juta.

2014

Malaysia menduduki **tangga pertama Petunjuk Ekonomi Global Islam 2014-2015**, daripada senarai 70 buah negara.

2017

Laporan oleh *World Economic Forum* - Malaysia sebagai **8 terbaik daripada 135 negara dari segi kecekapan dalam perbelanjaan Kerajaan** untuk menyediakan barangan dan perkhidmatan kepada rakyat

Laporan Menjalankan Perniagaan (DB) oleh Bank Dunia – Malaysia di tangga ke-18 daripada 189 negara pada tahun 2017 berbanding tangga ke-21 pada tahun 2010.

2010

Laporan Menjalankan Perniagaan (DB) oleh Bank Dunia - **Malaysia berada pada kedudukan ke-21**

2012

Laporan oleh *Institute for Management Development* (IMD) - **Ekonomi Malaysia berada di kedudukan ke-14** paling kompetitif di dunia, mengatasi beberapa negara maju.

Laporan BAV Consulting & Wharton School dari Amerika Syarikat - Malaysia sebagai **negara yang terbaik untuk para pelabur** melabur daripada 80 buah negara yang disenaraikan

Laporan oleh *Institute for Management Development* (IMD) - Malaysia mencatatkan peningkatan ketara dalam kategori **kecekapan perniagaan iaitu kedudukan ke-6 daripada ke-14** tahun 2011, dan kategori kecekapan kerajaan iaitu ke-13 daripada ke-17.

Jumlah Pelaburan Asing Meningkat

Jumlah pelaburan langsung asing negara telah meningkat daripada hanya **RM5.1 bilion pada tahun 2009, kini melonjak kepada RM41 bilion pada tahun 2016.** Jumlah ini, tidak termasuk potensi pelaburan baharu yang diterima menerusi 14 MoU perniagaan bersama negara China, yang bernilai RM144 bilion. Sesungguhnya, ini merupakan pelaburan asing tunggal terbesar yang pernah berlaku, dalam sejarah Malaysia setakat hari ini.



Pembukaan tirai tahun 2017 turut diserikan, dengan pelaburan oleh Saudi Aramco yang bernilai RM31 bilion, dalam kilang penapisan minyak di bawah perjanjian antara Petronas dan Aramco untuk projek bersepadu Rapid di Kompleks Bersepadu Pengerang, Johor



Ekonomi Malaysia Berkembang Pada Kadar Di Luar Jangka Ekonomi

Malaysia berkembang 5.6 peratus pada suku pertama 2017 berbanding 4.2 peratus bagi tempoh sama tahun sebelumnya dan merupakan prestasi terbaik yang dicatatkan sejak suku pertama 2015, iaitu 5.8 peratus. Prestasi kukuh yang dicatatkan mencerminkan kedudukan ekonomi negara berada dalam momentum yang tepat dengan laporan yang dikeluarkan oleh Bank Dunia unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia telah naik daripada 4.9 kepada 5.2 peratus bagi tahun 2017.

Pencapaian ekonomi Malaysia yang lebih tinggi itu disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah baik, khususnya perbelanjaan sektor swasta selain keberkesanan Program Transformasi Nasional (NTP) pada tahun 2010 untuk menyusun semula dan melakukan transformasi.



Kerajaan juga telah mengurangkan kebergantungan negara kepada hasil minyak daripada 41 peratus pada 2009, kepada 14.7 peratus pada 2016, dengan mempelbagaikan sektor ekonomi sebagai sumber pendapatan negara. Kurangan daripada hasil minyak juga telah dapat ditampung melalui perolehan hasil kutipan GST sebanyak RM42 bilion pada tahun 2016. Seandainya Kerajaan tidak cekal dan tabah melaksanakan inisiatif tersebut, negara tidak akan mampu menampung perbelanjaan operasi dan pembangunan negara.



Langkah berani yang telah diambil kerajaan sejak 2011 telah berjaya mencetus momentum serta meletakkan Malaysia pada landasan ekonomi yang kukuh. Langkah tersebut seperti pemansuhan subsidi minyak, pengurangan kebergantungan kepada pendapatan minyak, rasionalisasi subsidi dan juga memperkenalkan cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) telah memberi banyak pulangan kepada rakyat dan negara.



BR1M Memanfaatkan 4.7 Juta Isi Rumah

Pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) mula diperkenalkan pada tahun 2012 dan memanfaatkan 4.7 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang dari seluruh Malaysia. Ia adalah sebuah polisi pembayaran secara sekali untuk isi rumah berpendapatan RM4,000 dan ke bawah atau individu bujang berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan. Peserta di bawah program eKasih dengan pendapatan RM1,500 dan ke bawah akan turut menerima BR1M.



KPI Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

Langkah proaktif Malaysia bagi membantu isi rumah terutama golongan berpendapatan rendah menangani kenaikan kos sara hidup menerusi bilangan kedai yang menyediakan perkhidmatan dan barangan pada harga yang berpatutan seperti Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Kedai Kain 1Malaysia (KK1M), Menu 1Malaysia, Baucer Buku 1Malaysia (BB1M) dan Kedai Buku 1Malaysia. Kerajaan juga memperkenalkan langkah-langkah untuk meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terbawah antaranya kerajaan mempercepatkan pembinaan rumah-rumah mampu milik untuk memastikan kesejahteraan rakyat.

Selain itu, antara yang dilaksanakan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan adalah dengan menambah bilangan graduan bagi program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dan Skim Pengurusan Kebolehpasaran Graduan (GEMS) daripada lebih 10,000 tahun ini kepada 15,000 pada 2016. Usaha ini dilaksanakan

dengan bantuan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan sektor swasta sebagai sebahagian tanggungjawab sosial korporat mereka dengan kos berjumlah sekitar RM500 juta.



Pencapaian Ekonomi Negara Catat Rekod Terbaik

Tahun 2017 memperlihatkan banyak pencapaian ekonomi negara yang mencatatkan rekod terbaik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Antara pencapaian yang diperoleh adalah:




- 1 Pada bulan Ogos 2017 sahaja, eksport negara buat pertama kalinya telah mencapai antara paras tertinggi dengan nilai melebihi RM80 bilion dan merekodkan *double digit growth*.

- 2 Rizab antarabangsa terkini telah mencatat 101.4 bilion dolar Amerika atau RM428.7 bilion yang mampu menampung 7.5 bulan import tertangguh.

- 3 Jumlah pelaburan swasta negara untuk 2016 sahaja melebihi RM211 bilion berbanding dengan jumlah pelaburan yang sama bagi tahun 2009 hanya RM81 bilion.



- 4** Defisit fizikal negara dianggar terus berkurang kepada tiga (3) peratus pada 2017 berbanding 6.7% pada tahun 2009.



- 5** Sasaran 3.3 juta peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2020. Setakat tahun 2017 sudahpun mencapai angka 69 peratus dengan 2.26 juta pekerjaan yang diwujudkan.

- 6** Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Keperluan Asas 2016 melaporkan Malaysia memperoleh pencapaian antaranya:



- **PERTAMA**
Pendapatan per kapita rakyat daripada RM27,819 pada tahun 2010 kini telah meningkat kepada RM40,713 dan dijangka mencapai RM42,777 menjelang 2018.



- **KEDUA**
Pendapatan median bulanan telah meningkat daripada RM4585 pada tahun 2014 kepada RM5288 pada tahun 2016



- **KETIGA**
Bagi pendapatan isi rumah B40 pula, daripada tempoh 2014 hingga 2016 telah meningkat daripada RM2629 kepada RM3000 sebulan




- **KEEMPAT**
Agihan pendapatan dalam kalangan isi rumah Malaysia terus bertambah baik dengan penurunan Pekali Gini daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.399 pada tahun 2016 yang terendah dalam sejarah Malaysia. Ini menunjukkan jurang pendapatan semakin dirapatkan dan pengagihan masyarakat lebih saksama.



- 7** Bagi tahun 2018, kerajaan mensasarkan kutipan hasil Kerajaan Persekutuan mencecah RM239.86 bilion. Kerajaan tetap komited untuk melaksanakan langkah konsolidasi fizikal dan memastikan kedudukan kewangan Kerajaan terus kukuh serta paras hutang kekal rendah bagi tempoh jangka sederhana dan panjang.

- 8** Bagi suku pertama 2017, Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mencipta sejarah dengan merekodkan kenaikan 24.3 peratus dalam sektor perdagangan kepada RM430.5 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2016.




- 9** Pada Mac 2016, eksport negara mencecah RM82.63 bilion, angka bulanan tertinggi yang pernah dicapai bagi eksport Malaysia. Pencapaian ini adalah hasil usaha, kerja keras dan titik peluh kerajaan dalam menjalinkan hubungan baik dengan negara-negara lain.



Agama

Sejak mencapai kemerdekaan sehingga kini, Malaysia gah di mata dunia sebagai sebuah negara Islam yang pesat membangun serta dapat mengekalkan keamanan dan kestabilan negara walaupun rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.



Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj Dilantik Setiausaha Agung OIC

Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj merupakan Perdana Menteri Malaysia pertama yang telah dilantik sebagai Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dari 1971 hingga 1973. Malaysia juga telah dipilih menjadi Pengerusi OIC pada Sidang Kemuncak OIC ke-10 pada 16 September 2003 selama tiga tahun. Kedudukan Malaysia sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) telah mengukuh dan menyerlahkan lagi peranan negara dalam meningkatkan pembangunan syiar Islam di peringkat global.



Tilawah Al-Quran Diiktiraf Di Peringkat Antarabangsa

Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj telah menjadi pengasas kepada pertandingan membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan buat kali pertama pada 18 Mac 1960 di Stadium Merdeka Kuala Lumpur. Pertandingan itu telah dikembangkan ke peringkat antarabangsa pada 9 Mac 1961 dengan penyertaan dari negara-negara Islam yang lain dan telah diteruskan hingga ke hari ini. Penganjuran Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa ini telah berjaya mengharumkan nama Malaysia di mata dunia terutama di kalangan negara-negara Islam.



BIMB, Bank Islam Terunggul Malaysia dan Serantau

Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) merupakan institusi perbankan berasaskan Syariah pertama di Malaysia dan Asia Tenggara; dan telah memainkan peranan utama dalam pembangunan industri perbankan Islam negara. Bank Islam kini mempunyai rangkaian perbankan Islam yang terluas di Malaysia dengan 145 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Diperbadankan padatahun1983, matlamatasal penubuhan Bank Islam adalah untuk membantu memenuhi keperluan kewangan penduduk Islam di Malaysia. Sejak itu, Bank Islam telah mengembangkan perkhidmatannya dengan lebih meluas kepada pengguna bukan Islam bagi memenuhi prinsip "Perbankan untuk Semua".



Penubuhan Institut Wasatiyyah Malaysia (IMW)

Kewujudan Institut Wasatiyyah Malaysia (IMW) penting dalam memastikan masyarakat faham erti konsep kesederhanaan dalam aspek kehidupan dan memberi manfaat kepada semua tanpa mengira kaum. Institut yang ditubuhkan itu menjadi medium menyampaikan mesej sehingga ke akar umbi di dalam masyarakat mengenai konsep kesederhanaan.



Malaysia Amal Konsep Tabayyun dan Wala'

Perdana Menteri sentiasa mengingatkan agar rakyat Malaysia menerapkan konsep tabayyun atau menyelidik kesahihan maklumat bagi mengikis sebarang fitnah yang boleh mendatangkan mudarat kepada parti serta negara. Selain, mengingatkan tentang kepentingan wala' atau kesetiaan kepada pemimpin apabila menjadi ahli kepada sesebuah pergerakan atau parti politik.



Pelancaran TV AlHijrah oleh Perdana Menteri Malaysia

TV AlHijrah stesen televisyen siaran secara percuma (free-to-air) yang berkonsepkan Islam telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 7 Disember 2010 bersamaan 1 Muharram 1432H. TV AlHijrah terus ke hadapan dalam memberi informasi dan penyebaran maklumat bagi memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat.



Dua Hakim Wanita Pertama Mahkamah Tinggi Syariah Dilantik

Pada pertengahan tahun 2010 buat pertama kalinya, dua wanita Melayu dilantik sebagai Hakim Mahkamah Syariah di negara ini, iaitu Suraya Ramli dan Rafidah Abdul Razak. Pada tahun 2006, Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan bahawa wanita boleh dilantik menjadi hakim syariah tetapi tidak boleh memutuskan kes-kes melibatkan hudud dan qisas.

Pada 27 Jun 2016 pula, dua orang hakim wanita dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor iaitu Nenny Shuhaidah Shamsuddin, 41, (kanan) dan Noor Huda Roslan, 40 (kiri). Pelantikan itu berjaya menolak persepsi negatif sesetengah pihak terhadap wanita yang prejudis terhadap peranan wanita dalam menggalas tanggungjawab yang selama ini hanya dipelopori kaum lelaki. Ia sejajar dengan ajaran Islam yang memberi peluang kepada wanita menuntut ilmu dan terlibat dalam proses membuat keputusan di peringkat tertinggi organisasi.



Pendidikan

Sistem pendidikan di Malaysia telah menempa banyak kemajuan sepanjang enam dekad yang lalu. Hasil daripada Laporan Razak (1956), kemudiannya Laporan Rahman Talib (1960), Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), penggubalan Akta Pendidikan 1996, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) dan Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025), sistem pendidikan Malaysia telah mencatat beberapa kejayaan yang membanggakan.



Sistem Pendidikan Kebangsaan Ganti Vernakular

Dahulu sistem pendidikan vernakular dilaksanakan mengikut kepentingan kaum tertentu. Ia merupakan sekolah yang khusus untuk kaum tertentu dan ini menyebabkan kemunculan empat jenis sekolah

iaitu Sekolah Melayu, Sekolah Cina, Sekolah Tamil, dan Sekolah Inggeris. Atas kesedaran inilah lahir satu Dasar Pendidikan (Pelajaran) Kebangsaan melalui Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran, 1957.





Universiti Malaya Pertama Ditubuhkan di Malaysia dan Antara Terbaik di Dunia


Universiti Malaya (UM) ialah universiti yang pertama dan tertua ditubuhkan di Malaysia. Secara rasminya Universiti Malaya ditubuhkan pada 1 Januari 1962, dengan Tunku Abdul Rahman Puta Al-haj merupakan Canselor pertamanya. Pada tahun 2005 UM telah tersenarai di antara 100 universiti terbaik di dunia, mengikut laporan The Times Higher Supplement iaitu sisipan akhbar pendidikan The Times, London.



Universiti Multimedia Pertama di Dunia Guna Skrol Elektronik

Universiti ini merupakan universiti pertama di dunia yang memperkenalkan e-scroll graduan pada 26 Februari 2000. E-scroll merupakan skrol elektronik boleh dimuat turun melalui CR-Rom. Sistem ini juga memuatkan sistem rekod maklumat pelajar yang membolehkan kesahihan e-scroll disahkan secara terus. Ia membolehkan pihak syarikat yang ingin menggajikan graduan-graduan lulusan universiti ini memastikan pengesahan maklumat pelajar. Ini sejajar dengan matlamat untuk menyediakan pelajar kepada masyarakat mesra maklumat.





Kadar Enrolmen Peringkat Rendah

1950 2011
40% * 94%


↑ 54%



Kadar Literasi Remaja

1990 2017
88% * 99%

↑ 11%



Kadar Literasi Dewasa

1957 2017
53% * 99%

↑ 46%

Pelan Pembangunan Pendidikan, 2013-2025

Pada Oktober 2011, Pelan Pembangunan Pendidikan dilancarkan bagi memacu pendidikan negara ke arah pendidikan yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa. Pelan ini menonjolkan sistem pendidikan negara berteraskan lima ciri aspirasi utama iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan dengan 11 anjakan utama.

<p>PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025</p> 	 <p>MENYEDIAKAN KESAMARATAAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN BERKUALITI BERTARAF ANTARABANGSA</p> <p>1</p>	 <p>MEMASTIKAN SETIAP MURID PROFISIEN DALAM BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS</p> <p>2</p>	 <p>MELAHIRKAN RAKYAT MALAYSIA DENGAN PENGHAYATAN NILAI</p> <p>3</p>	 <p>TRANFORMASI KEGURUAN SEBAGAI PROFESION PILIHAN</p> <p>4</p>	 <p>MEMASTIKAN KEPIMPINAN BERPRESTASI TINGGI DI TEMPATKAN SETIAP SEKOLAH</p> <p>5</p>
 <p>MENGUPAYA JPN, PPD DAN SEKOLAH UNTUK MENYEDIAKAN PENYELESAIAN KHUSUS BERASASKAN KEPERLUAN</p> <p>6</p>	 <p>MEMANFAATKAN ICT BAGI MENINGKATKAN KUALITI PEMBELAJARAN DI MALAYSIA</p> <p>7</p>	 <p>MEN-TRANFORMASI KEMAMPUAN DAN KAPASITI PENYAMPAIAN KEMENTERIAN</p> <p>8</p>	 <p>BEKERJASAMA DENGAN IBU BAPA, KOMUNITI DAN SEKTOR SWASTA SECARA MELUAS</p> <p>9</p>	 <p>MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID BAGI SETIAP RINGGIT</p> <p>10</p>	 <p>MENINGKATKAN KETELUSAN UNTUK AKAUNTABILITI AWAM SECARA LANGSUNG</p> <p>11</p>



Sistem Pendidikan Negara Di Tangga 14 Bagi Rantau Asia Tenggara

Pada tahun 2012, Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum) telah mengiktifaf sistem pendidikan Malaysia berada di kedudukan ke-14 secara keseluruhannya dan tangga kedua selepas Singapura bagi rantau Asia Tenggara. Kedudukan ini turut menjadikan sistem pendidikan Malaysia adalah lebih baik berbanding Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jerman. Selain itu, **kualiti pendidikan peringkat asas (rendah), Malaysia berada di tangga ke -21**, iaitu pada skor 5.0 daripada tujuh skala yang diukur.

Kadar Enrolmen Pendidikan Rendah Di Tangga Ke-61


Laporan Forum Ekonomi Dunia pada 2012, merekodkan kadar enrolmen pendidikan rendah Malaysia ialah 94 peratus, iaitu berada pada tahap ke-61 daripada keseluruhan 142 buah negara yang dikaji. Kadar ini lebih baik berbanding hanya 40% pada tahun 1950. Kedudukan tersebut membuktikan bahawa Malaysia terkedepan daripada Brunei Darussalam (92.9 peratus), Amerika Syarikat (92.0 peratus), Filipina (91.7 peratus), dan Thailand (90.1 peratus).

NKRA Bidang Pendidikan Lonjak Transformasi Pendidikan Negara


Usaha gigih kerajaan menerusi Inisiatif Keberhasilan Utama Negara (NKRA) misalnya dalam bidang pendidikan telah berjaya mempertingkatkan pencapaian pelajar kepada akses pendidikan.



Inisiatif NKRA di peringkat sekolah rendah telah membuktikan bahawa program LINUS (Literasi dan Numerasi) kepada kanak-kanak darjah 2 menunjukkan peningkatan yang besar, iaitu 97.5 peratus kadar literasi dan 98.6 peratus kadar numerasi pada 2015.




Kadar enrolmen pada peringkat menengah rendah telah mencapai 91%, dan menengah atas 82%.



Kadar literasi dewasa telah meningkat secara mendadak, daripada 52% semasa negara mencapai kemerdekaan kepada 93% pada tahun 2010.



Enrolmen murid prasekolah juga telah berjaya ditingkatkan daripada 67% pada tahun 2009 kepada 77% pada tahun 2011.




Malaysia Ranking Universiti Terbaik Asia 2017

Pengajian Tinggi di Malaysia merupakan antara yang terbaik di dunia. Ini dibuktikan dengan penarafan universiti terbaik berdasarkan penilaian oleh badan-badan penilaian antarabangsa. Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Times Higher Education (THE) pada 16 Mac 2017, Universiti Malaya telah disenaraikan dalam ranking 100 Universiti Terbaik Asia 2017

Universiti Malaya, berada di kedudukan ke-59, diikuti oleh Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di tangga 120 teratas. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) berada di tangga 121-130. Sementara itu, Universiti Teknologi Petronas (UTP) menduduki ranking 141-150, Universiti Sains Malaysia (USM) dalam (ranking 151-160) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada kedudukan (ranking 161-170). Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) berada di kedudukan 251+.

Ranking Universiti Dunia THE adalah satu-satunya carta pencapaian global yang menilai universiti penyelidikan intensif meliputi pengajaran, penyelidikan, pemindahan ilmu dan tinjauan antarabangsa. Pencapaian ini merupakan berita baik bahawa Malaysia mempunyai lebih dua kali representasinya dalam ranking universiti terbaik Asia tahun 2017 dengan menduduki tangga kesembilan dalam senarai 300 universiti terbaik, naik daripada empat tangga tahun 2016.



11 Subjek IPT Senarai Kedudukan Dunia

Taraf pendidikan tinggi negara makin meningkat naik dengan 11 subjek kini dalam 50 teratas di peringkat dunia. 'QS World University Rankings by Subject 2017' yang dikeluarkan pada Mac 2017 menunjukkan 11 subjek itu ialah lima dari Universiti Malaya (UM), empat subjek dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan masing-masing satu subjek dari Universiti Taylor dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

UNIVERSITI MALAYA (UM)

Subjek Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari UM berada di kedudukan ke-23, iaitu kedudukan paling baik antara kesemua 11 subjek yang tersenarai.

ke-23 Subjek Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Subjek Pengajian Pembangunan (tangga ke-26), Kejuruteraan Mekanikal (ke-33), Kejuruteraan Kimia (ke-38) dan Pendidikan (ke-41) dari UM.

ke-26 Subjek Pengajian Pembangunan

ke-33 Subjek Kejuruteraan Mekanikal

ke-38 Subjek Kejuruteraan Kimia

ke-41 Subjek Pendidikan

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

Subjek dari USM ialah Pengurusan Hospitaliti dan Pelancongan (ke-32), Mineral dan Galian (ke-35), Kejuruteraan Kimia (ke-38) dan Sains Alam Sekitar(ke-49);

ke-32 Subjek Pengurusan Hospitaliti dan Pelancongan

ke-35 Subjek Mineral dan Galian

ke-38 Subjek Kejuruteraan Kimia

ke-49 Sains Alam Sekitar

UNIVERSITI TAYLOR

Subjek Pengurusan Hospitaliti dan Pelancongan (ke-29) dari Universiti Taylor

ke-29 Subjek Pengurusan Hospitaliti dan Pelancongan

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM)


Subjek Pengajian Agama, Teologi dan Diviniti (ke-46) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

ke-46 Subjek Pengajian Agama, Teologi dan Diviniti



Kesihatan

Malaysia, terkenal sebagai negara yang mempunyai pusat kesihatan terkemuka di dunia. Kemudahan kesihatan canggih dan cekap, semua hospital diselaraskan dan rangkaian rujukan antarabangsa dibentuk. Malah usaha kerajaan untuk menggalakkan hospital mendapat akreditasi antarabangsa dan mengadakan hubungan strategik dengan pusat perubatan terkemuka di dunia mendapat pengiktirafan dunia.



Hospital Universiti (PPUM) Berjaya Pisahkan Pasangan Kembar Siam Pertama Malaysia

Hospital Universiti (kini Pusat Perubatan Universiti Malaya PPUM) merupakan hospital kerajaan pertama yang berjaya memisahkan pasangan kembar siam pertama, Toh Siew Leng dan Toh Siew Fah

dari Kuala Terengganu pada 5 Ogos 1980. Kembar siam tersebut telah bercantum di abdomen, buah pinggang, punggung, hati dan paha. Malaysia turut disenaraikan sebagai negara yang aktif melakukan pembedahan kembar siam. Pada 22 Disember 1981, Dr. K. Sukumaran, seorang pakar mata Hospital Universiti telah berjaya melakukan pembedahan pertama memulihkan penglihatan seorang wanita seperti sedia kala tanpa perlu menggunakan cermin mata.



HKL Hospital Terbesar di Asia Tenggara

Hospital Besar Kuala Lumpur (HBKL) telah ditubuhkan pada tahun 1870, merupakan sebuah hospital yang terbesar di Asia Tenggara. HKL mencatat sejarah apabila melakukan pembedahan pertama artery bypass pada 22 Oktober 1982. Institut Pediatrik HKL pula mencatat sejarah apabila memisahkan pasangan kembar siam pada tahun 1988. Selain dari Hospital Universiti, HBKL turut menjadi pelopor dalam bidang pembedahan kembar siam.



Kejayaan Pembedahan Pemindahan Lengan Malaysia Cipta Rekod Dunia

Pada Mei 2000, pakar bedah Dr. V Pathmanathan mengetuai sekumpulan 55 orang dari Hospital Selayang, Selangor dalam menjalankan pembedahan pemindahan lengan ke atas seorang bayi yang pertama di dunia. Chong Lih Ying, yang dilahirkan tanpa lengan, menerima lengan daripada saudara kembarnya Lih Jeng, yang meninggal dunia akibat kerosakan otak semasa dilahirkan. Pembedahan untuk menyambung lengan Lih Jeng kepada tubuh Lih Ying mengambil masa 15 jam. Kejayaan ini turut dicatatkan dalam *Guinness World Book of Record*.



Profesor Emeritus Datuk Dr. Lam Sai Kit Bukti Kemampuan Doktor Malaysia

Penyebaran virus Nipah pada tahun 1998 dan 1999, merupakan penyebab baru kepada viral encephalitis atau radang otak. Penemuan virus Nipah berjaya mengalih perhatian antarabangsa kepada kemasyhuran saintis di Malaysia. Profesor Emeritus Datuk Dr. Lam Sai Kit merupakan orang yang menemui virus Nipah. Keputusan uji kaji yang dilakukan oleh beliau membuka jalan untuk mengurangkan kematian mengerikan disebabkan beberapa penyakit berpunca daripada virus demam denggi, penyakit tangan, kaki dan mulut serta virus Chikungunya.

Beliau telah dianugerahkan pingat "National Order of Merit (Chevalier/Knight)" oleh Kedutaan Perancis di Malaysia. Anugerah tersebut merupakan penghargaan yang diberikan oleh Kerajaan Perancis kepada rakyat Perancis dan warga asing yang mencapai tahap kecemerlangan tertentu dalam perkhidmatan awam, angkatan tentera atau sektor swasta.




UPM Universiti Pertama Guna ABBI

Pada tahun 2005, kumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya membangunkan satu peralatan digital dan perisian mudah bagi membantu ahli radiologi untuk meningkatkan pengesanan awal kanser payu dara dengan lebih cepat dan tepat melalui kaedah mammogram. Dengan kerjasama dari sektor swasta, UPM telah tampil dengan *Advance Breast Biopsy Imaging (ABBI)*, iaitu satu prosedur biopsi berpandukan imej. UPM merupakan universiti pertama menggunakan alat seperti ini dan keputusan ujian adalah tepat seumpama menjalankan prosedur biopsi secara terbuka.

IJN Pelopor di Asia Dalam Bidang Perubatan Jantung

Institut Jantung Negara (IJN) merupakan institusi perubatan kardiologi pertama yang ditubuhkan pada bulan September 1992. IJN telah menempa nama dalam sejarah perubatan negara apabila berjaya melaksanakan beberapa kaedah baru bagi rawatan jantung. IJN meneruskan kecemerlangan dengan menjadi pelopor di Asia yang melakukan pembedahan endoskopik untuk rawatan fibrilasi atrium iaitu melakukan pembedahan pintasan ke atas pesakit yang sedarkan diri. Selain itu, ia menjadi satu-satunya pusat jantung di Asia Pasifik sebagai tempat transmisi prosedur Interventional Cardiology, di EURO PCR05, Paris. Selain itu, IJN juga berjaya melakukan pembedahan jantung mekanikal pertama ke atas Mohd. Fikri Nor Azmi pada Julai 2005 dan pemindahan paru-paru pertama ke atas seorang pesakit berumur 55 tahun pada 18 Disember 2005.



Khidmat Kesihatan Malaysia Ke-3 Terbaik Dunia

Pada tahun 2017, perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan di Malaysia diiktiraf sebagai ketiga terbaik di dunia oleh Majalah International Living. Pengiktirafan itu didorong faktor capaian perkhidmatan kesihatan yang diberi kepada pesakit di setiap pelusok daerah di Malaysia antaranya Klinik 1Malaysia, Klinik Desa dan lebih 200 klinik bergerak di seluruh negara.

Malaysia Destinasi Pelancongan Kesihatan dan Perubatan Terbaik 2017

Malaysia melakar kecemerlangan dalam bidang pelancongan kesihatan dan perubatan bagi tiga tahun berturut-turut apabila memenangi Anugerah Destinasi Pelancongan Kesihatan dan Perubatan Terbaik 2017. Anugerah yang diterima oleh Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC) sempena Sidang Kemuncak Pelancongan Perubatan (IMTJ) di Madrid pada 23-26 Mei 2017 itu, mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perubatan terkemuka yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan boleh didapati dengan mudah dan mampu milik dengan kualiti bertaraf dunia. Keselamatan dan penjagaan pesakit juga diberi keutamaan dan dijamin oleh mandat standard tinggi daripada peraturan ketat kerajaan.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Perkhidmatan kesihatan di Malaysia diiktiraf sebagai yang **ke-3 terbaik di dunia**


Sumber: Majalah International Living

Hospital swasta Malaysia juga memenangi empat anugerah - Hospital Antarabangsa Terbaik 2017 (Sunway Medical Centre), Klinik Pergigian Antarabangsa 2017 (Imperial Dental Specialist Centre), Inisiatif Pemasaran Terbaik (Sunway Medical Centre), Klinik Kesuburan Antarabangsa Terbaik 2017 (TMC Fertility Centre) dan Inisiatif Kualiti Terbaik - Paling Banyak Mendapat Pujian (Sunway Medical Centre).



Sains Dan Teknologi

Peranan pembelajaran dinamik dalam ekonomi digital, kaedah baru dalam pentadbiran kerajaan, dan perubahan negara bangsa turut dimainkan secara aktif oleh kemajuan pesat era Sains dan Teknologi. Dengan anjakan pemikiran melenium Malaysia juga mempunyai acuan tersendiri dalam mencipta resepi kejayaannya dengan kemampuan negara mempelopori bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).




Bidang Automobil Mercu Kejayaan Negara

Antara mercu kejayaan dan kecemerlangan negara termasuklah bidang automobil kereta nasional iaitu Syarikat Proton Holdings Bhd (PROTON) dan Syarikat Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd (PERODUA). Bukan itu sahaja, Malaysia juga mempunyai mercu tanda terkemuka iaitu Menara Kuala Lumpur dan Menara Berkembar PETRONAS.







Menara Kuala Lumpur yang siap dibina pada 1996 merupakan sebuah menara terletak 515 meter dari aras laut dengan ketinggian 421 meter.

Menara berkembar PETRONAS merupakan bangunan tertinggi di dunia dari tahun 1998 hingga 2004.





Malaysia Lancar Dua Satelit

Malaysia juga melangkah maju ke era teknologi angkasa lepas apabila kita berjaya melancarkan dua satelit Malaysia Asia Timur iaitu MEASAT I dan MEASAT II. Pelancaran satelit ini menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara ASEAN yang mempunyai satelit angkasanya sendiri. Bukan itu sahaja, program penghantaran angkasawan negara yang pertama iaitu Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha telah berjaya mengharumkan nama Malaysia di pentas dunia.



Malaysia Cipta Loji Biodiesel Sawit Bersepadu Pertama di Dunia

Loji biodiesel sawit bersepadu mampu menghasilkan secara tetap 60,000 tan biodiesel kelapa sawit dan 30,000 tan biodiesel bergred musim sejuk, setiap tahun. Ia adalah yang pertama seumpamanya di dunia dan dibina di Pasir Gudang, Johor. Usaha ini adalah selaras dengan pelaksanaan Dasar Biofuel Kebangsaan dan Malaysia mempunyai banyak kelebihan dalam industri sawit kerana Malaysia merupakan negara yang ulung dalam menjalankan pendidikan dan kajian bagi produk sawit.





Malaysia Lancar Mikrosatelit Sendiri Pertama

Pada September 2000, Malaysia melancarkan mikrosatelit rekabentuk sendiri yang pertama iaitu Tiungsat-1. Kegunaan mikrosatelit bukan-komersial ini meliputi aplikasi untuk agensi-agensi kerajaan, pusat-pusat pengajian tinggi dan sektor swasta. Kegunaan paling lazimnya adalah bagi tujuan pengimejan bumi menggunakan tiga kamera sudut tirus dan sebuah kamera sudut lebar. Rentetan kejayaan pelancaran satelit ini, Malaysia seterusnya telah melancarkan Measat 1 pada 1996 yang membawa 12 transponders jalur C dengan liputan tapak kaki ke seluruh rantau Asia Timur. Measat 2 pula dilancarkan pada 14 November 1996 bagi bidang penyiaran dan komunikasi. Terbaru MEASAT 3, satelit serbaguna paling berkuasa dan berpotensi luas dari sudut komersil telah dilancarkan. Projek yang melibatkan pelaburan sebanyak RM1 bilion ini mampu meluaskan capaian liputannya melebihi 100 buah negara yang mewakili lebih 70 peratus daripada jumlah penduduk dunia. Penubuhannya, bukti Malaysia mampu memajukan teknologi komunikasi satelit.

Malaysia Pertama di Dunia Keluarkan Kad Pintar Pelbagai Guna

Pada April 2001, Malaysia menjadi negara pertama di dunia mengeluarkan Kad Pintar Pelbagai Guna yang memuatkan pelbagai aplikasi Kerajaan dan aplikasi pembayaran.



Infrastruktur

Pembangunan negara yang pesat membangun telah membuka peluang kepada Malaysia untuk membina pelbagai infrastruktur yang bertaraf dunia. Dari bangunan pencakar langit hingga ke litar lumba kereta formula satu, segalanya dibina untuk merealisasikan hasrat menjadi sebuah negara maju.



Multimedia Super Koridor (MSC)

Multimedia Super Koridor (MSC) telah dirasmikan pada 27 Jun 1998. Ia dibina di atas tanah seluas 15 kilometer dan sepanjang 50 kilometer. Dua "Bandar Pintar" telah dibina dalam lingkungan kawasan tersebut, iaitu Putrajaya - pusat pentadbiran negara dan Cyberjaya - pusat perindustrian multimedia dan penyelidikan.



Litar F1 Antara Terbaik di Dunia

Litar Formula Satu (F1) di Sepang ialah satu-satunya litar lumba di dunia yang diberikan penghormatan untuk memasukkan logo F1 di dalam nama rasminya. Litar sepanjang 5.6 kilometer yang siap pada November 1998 ini, menggabungkan teknologi seni bina dan kejuruteraan moden dengan ciri-ciri budaya Malaysia. Ia menelan belanja RM286 juta, dan boleh menempatkan 30,000 penonton di astaka besarnya dan 100,000 lagi di astaka semula jadi yang terdapat di sekeliling litar ini. Anjung dwi-hadapan ini adalah yang pertama seumpamanya dibina di dunia.



KLIA Terbaik di Dunia

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), yang dibuka pada 1998 dipilih sebagai lapangan terbang kedua terbaik di dunia pada 2014. Kejayaan cemerlang KLIA dalam Anugerah Lapangan Terbang Dunia Skytrax bermula pada 2010 apabila berjaya merangkul dua anugerah iaitu Perkhidmatan Imigresen Lapangan Terbang Terbaik dan Anugerah Kakitangan Cemerlang bagi kategori Asia Tenggara serta Anugerah Perkhidmatan Imegresen Lapangan Terbang Terbaik Dunia pada 2011 dan 2013.



Malaysia Negara Keenam Terbaik Dunia Untuk Persaraan

Malaysia diiktiraf berada pada kedudukan keenam negara terbaik dunia untuk persaraan bagi tahun 2017 oleh laman web International Living. Menurut laman web tersebut, Malaysia merupakan satu-satunya negara dari benua Asia berada pada kedudukan 10 negara terbaik dunia untuk persaraan mengatasi negara seperti Sepanyol, Portugal dan Malta.

Antara faktornya ialah kos sara hidup di Malaysia adalah rendah serta negara ini memiliki kualiti perkhidmatan kesihatan yang tinggi. Bandar-bandar di Malaysia bersih dan moden serta mempunyai pengangkutan awam terbaik serta rakyatnya yang ramah. Malaysia juga merupakan salah satu daripada tiga negara di Asia yang membenarkan penduduk membeli hartanah secara pegangan bebas selain menawarkan percutian bajet dan kelas pertama yang besar.



Putrajaya Bandar raya Pintar Dalam Taman

Putrajaya, bandaraya pintar dalam taman terletak 25 kilometer di selatan Kuala Lumpur merupakan sebuah bandaraya futuristik yang menempatkan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.



Terowong Laluan SMART

Terowong *Stormwater Management And Road Tunnel* (SMART), terowong dwifungsi pertama di dunia yang mempunyai Terowong Jalan dan Terowong Pengurusan Banjir. Terowong SMART ini adalah merupakan kejayaan kejuteraan yang mengagumkan, di mana ia menggabungkan dua tingkat bagi Terowong Jalan di atas Terowong Laluan Air yang mana kesemuanya ini dibina di bawah

jalan raya yang sibuk, dengan geologi yang tidak dapat diduga dan berhampiran bangunan-bangunan pencakar langit. Terowong Laluan SMART menyediakan laluan alternatif ke bandaraya Kuala Lumpur kepada 200,000 pengguna yang menggunakan Jalan Sungai Besi yang selalu sesak.



UTC Dan RTC Manfaat Kepada Rakyat

Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) adalah salah satu usaha dan inisiatif Kerajaan bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan utama kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti bandar dan luar bandar di dalam satu pusat sehenti di dalam satu bangunan. Sehingga 2017, kerajaan telah membina sebanyak 18 UTC dan 9 RTC di seluruh negara yang mana pelbagai jabatan dan agensi kerajaan diletakkan di bawah satu bumbung bagi menjimatkan masa, kos dan tenaga untuk membuat transaksi dan mendapat perkhidmatan Kerajaan.





Sistem LRT-PUTRA – Sistem Alihan Laju Tanpa Pemandu Ketiga Terpanjang di Dunia

Sistem Transit Rel Ringan PUTRA meliputi laluan sepanjang 29 kilometer merupakan sistem alihan laju (transit aliran ringan) tanpa pemandu automatik sepenuhnya ketiga terpanjang di dunia.



Jambatan Pulau Pinang Terpanjang di Asia

Jambatan Pulau Pinang merupakan jambatan yang terpanjang di Malaysia dan keempat terpanjang di Asia Tenggara. Ia dapat menahan gegaran sehingga ke bacaan 7.5 menurut skala Richter. Pereka jambatan ini merupakan anak jati Pulau Pinang iaitu mending Tan Sri Prof Chin Fung Kee, seorang jurutera geoteknik yang termahsyur, yang juga pernah memegang jawatan Timbalan Canselor di Universiti Malaya.




Menara Berkembar PETRONAS Tertinggi Ke-11 di Dunia

Menara Berkembar PETRONAS yang memiliki ketinggian 452 meter dan 88 lantai ini pernah menjadi bangunan tertinggi di dunia dari tahun 1998 hingga 2004. Pada masa kini, Menara Berkembar Petronas merupakan bangunan ke-11 tertinggi di dunia.



MRT, Projek Infra Rakyat Bertaraf Dunia

Transit Aliran Massa Lembah Klang (MRT) merupakan projek infra rakyat bertaraf dunia. Terdapat 31 stesen dengan tujuh adalah stesen bawah tanah. Fasa pertama jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang dari stesen Sungai Buloh hingga Semantan, memulakan operasi pada 16 Disember 2016. Fasa kedua dari stesen Semantan ke stesen Kajang mula beroperasi pada 17 Julai 2017 dan membolehkan tren tanpa pemandu yang dikawal pusat kawalan operasi beroperasi di seluruh jajaran.







Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) Bantu Golongan B40

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 untuk merancang, membina, membina dan menawarkan perumahan berkualiti tinggi berkonsepkan gaya hidup moden bagi penduduk bandar berpendapatan sederhana. Kediaman PR1MA yang terletak di dalam kawasan berkemuniti mempunyai pelbagai jenis dan saiz. Dengan harga antara RM100,000 hingga RM400,000, ditawarkan kepada semua rakyat Malaysia dengan pendapatan isi rumah purata bulanan antara RM2,500 hingga RM15,000.





Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Bantu Pemilikan Harta Penjawat Awam

PPA1M telah dilancarkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2013. PPA1M adalah satu inisiatif atau pendekatan untuk membolehkan penjawat awam terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana dapat memiliki rumah dengan harga yang berpatutan. Sebagai langkah permulaan program pembangunan 10,336 unit rumah bagi tujuan Program PPA1M di Putrajaya telah dilaksanakan. Harga ditawarkan bagi skim perumahan ini adalah di antara RM150,000 hingga RM300,000 mengikut keluasan lantai minima tidak kurang dari 1,000 kaki persegi hingga 1,500 kaki persegi. Sehingga kini, hampir semua negeri telah mempunyai PPA1M untuk kemudahan kepada penjawat awam.



Sukan

Kejayaan Malaysia dalam pelbagai arena sukan telah banyak menaikkan nama negara di persada dunia. Dari segi pencapaian, Malaysia telah melalui satu anjakan paradigma dengan kita banyak mencipta kejayaan di peringkat Asia dan dunia. Kejayaan yang dimiliki ini, memberi satu gambaran bahawa Malaysia berjaya merangkul kecemerlangan dalam lapangan sukan khususnya badminton, hoki, skuasy dan banyak lagi, malah lebih membanggakan apabila kejayaan Malaysia diiktiraf di mata dunia.



Badminton Rangkul Rekod Lima Kali Menang Piala Thomas dan Pemain Nombor Satu Dunia

Malaysia berjaya mencipta rekod lima kali memenangi Piala Thomas iaitu kali pertama pada 1949 dan terakhir pada 1992. Malaysia juga bertuah kerana mempunyai jaguh badminton terkemuka negara seperti Datuk Misbun Sidek, Datuk Razif Sidek, Datuk Rashid Sidek dan Datuk Lee Chong Wei. Datuk Lee Chong Wei pernah mendapat gelaran pemain Badminton No. 1 Dunia. Beliau berjaya merangkul dua pingat emas dalam Sukan Komanwel pada tahun 2006. Pada tahun 2010, beliau berjaya mendapat anugerah individu dalam pertandingan All England Super Series. Nama dan reputasinya dalam bidang kesukanan Malaysia terus meningkat dan kejayaan beliau dalam sukan ini telah menjadi kebanggaan Malaysia.





Pelumba Basikal Disegani Peringkat Dunia

Daud Ibrahim pernah menguasai pertandingan lumba basikal dalam tahun 1970-an dengan memenangi tiga pingat emas pada Sukan SEA 1971. Seterusnya, M. Kumaresan memenangi pingat emas dua kali berturut-turut di temasya Sukan SEA 1989 dan 1991. Kejayaan ini terus dilakar oleh Azizulhusni Awang, yang digelar 'The Rocket Pocketman' merangkul gelaran Juara Dunia Acara Keirin.

Beliau memenangi kejuaraan dunia pertama dalam acara Keirin di Kejohanan Trek Berbasikal Sedunia di Hong Kong pada 14 April 2017. Lebih manis, beliau meraih pingat gangsa di perlumbaan akhir Keirin semasa Sukan Olimpik 2016 di Rio de Janeiro. Beliau pernah meraih pingat perak pada 2010 di Denmark selain merangkul pingat gangsa, dua kali di Perancis pada 2015 dan 2016 di United Kingdom dalam acara yang sama. Pada Sukan SEA 2017, beliau telah memenangi 2 pingat emas.



Malaysia Lahir Perenang Terbaik Dunia

Malaysia pernah melahirkan perenang yang berjaya di rantau Asia Tenggara seperti ratu renang negara, Nurul Huda Abdullah, Jeffry Ong, Alex Lim Keng Liat dan Daniel Bego. Nurul Huda mula bertanding di Sukan SEA 1985 di Bangkok dengan memenangi 13 pingat emas ketika berusia 13 tahun.

Kejayaan terus dilakar dalam sukan renang apabila Pandalela Rinong, 19 tahun, mengharumkan nama Malaysia di pesada dunia dengan menyumbangkan pingat Gangsa dalam acara terjun 10m platform di Sukan Olimpik London 2012 dan pemenang pingat perak acara 10m platform seirama wanita pada Sukan Olimpik Rio 2016. Kejayaan ini sekaligus menjadikannya sebagai atlet wanita Malaysia pertama menyumbang pingat dalam sejarah sukan Olimpik.



Malaysia Lahir Jaguh Sukan Olahraga Bagi Rantau Asia Tenggara

Kegemilangan jaguh pecut pada zaman Datuk Dr. M Jegathesan, M Rajamani, Rabuan Pit, Istiaq Mubarak, Marina Chin, Nordin Jadi, Hanafiah Nasir dan ramai lagi diakui telah membuatkan Malaysia berbangga, sekurang-kurangnya larian kencang dan persembahan mereka pernah meletakkan Malaysia sebagai jaguh dalam sukan olahraga dalam rantau Asia Tenggara sehingga pernah menggegarkan Asia.

Kini, satu lagi rekod kebangsaan tercipta apabila Khairul Hafiz Jantan, 19, memecahkan rekod kebangsaan acara 200 meter (m) di Kejohanan Olahraga Terbuka Malaysia 2017 di Stadium Nasional, Bukit Jalil, pada 18 Julai 2017. Beliau mencatat kepantasan 20.90 saat (s), sekali gus meleburkan rekod lama 20.92s milik Tan Sri Dr M Jegathesan yang dilakar di Sukan Olimpik Mexico 1968. Beliau juga memenangi pingat emas dalam acara antara 100m hingga 400m pada kejohanan Sukan SEA 2017.



Datuk Nicol Ann David Pemain Nombor Satu Dunia Sukan Skuasy

Skuasy terbukti telah meletakkan nama Malaysia harum di puncak dunia khususnya melalui kejayaan Nicol Ann David yang muncul selaku pemain terbaik wanita dunia tahun 2005 di Duisburg, Jerman, dan mengungguli pingat emas buat Malaysia dalam acara Skuasy Sukan Dunia. Di Kuwait, Nicol berjaya menjuarai Terbuka Kuwait dan merupakan gelaran juara pertamanya dalam siri Jelajah Persatuan Pemain Wanita Profesional Dunia (WISPA).

Beliau juga mengungguli pemain skuasy tempatan pertama memenangi pertandingan Women's CIMB Malaysian Open Squash Championship yang tidak pernah berlaku sejak 31 tahun pertandingan ini diadakan. Kejayaan diukir pada tahun 2010, apabila beliau memenangi Kuala Lumpur Open untuk kali ke-6 sejak tahun 2000.

Kejayaan Nicol Ann David menjuara kejohanan skuasy Terbuka Hong Kong sekaligus ternobat selaku pemain nombor satu dunia dalam sejarah Sukan Komanwel yang diadakan di Melbourne.



Kejayaan Atlet Paralimpik Catat Sejarah di Sukan Paralimpik Rio de Janeiro, Brazil

Kejayaan atlet paralimpik negara meraih pingat di Sukan Paralimpik Rio de Janeiro berjaya menjulang nama Malaysia dalam melahirkan atlet orang kurang upaya (OKU) yang berprestasi tinggi. Atlet Paralimpik Malaysia berjaya meraih tiga pingat emas melalui Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi dalam acara 100m T36 lelaki (cerebral palsy), Muhammad Ziyad Zolkefli acara lontar peluru F20 lelaki (masalah pembelajaran), Abdul Latif Romly acara lompat jauh T20 lelaki (masalah pembelajaran) dan satu gangsa melalui Siti Noor Radiah Ismail dalam acara lompat jauh wanita T20.

Atlet para Malaysia, Muhammad Ziyad Zolkefli memecah 1 lagi rekod dunia dalam acara lontar peluru lelaki F20 pada Kejohanan Olahraga Para Dunia 2017 di London 15 Mac 2017. Pada acara yang berlangsung di Stadium London, Queen Elizabeth Olympic Park, Muhammad Ziyad melakukan lontaran 17.29 meter (m), memperbaharui rekod dunia miliknya yang dilakukan pada temasya Sukan Paralimpik di Rio tahun 2016 iaitu 16.48m



Faiz Subri Pemain Asia Pertama Terima Anugerah Puskas Fifa 2016

Mohd Faiz Subri mencipta sejarah sebagai pemain Asia pertama merangkul Anugerah Puskas Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa) pada 9 Januari 2017 di Zurich untuk jaringan gol paling cantik sepanjang 2016, justeru meletakkan namanya sebaris dengan pemenang terdahulu seperti bintang tersohor, Cristiano Ronaldo dan Neymar. Penyerang Pulau Pinang berusia 29 tahun itu menerima anugerah tersebut hasil keunikan sepakan percuma ketika membantu Pulau Pinang menewaskan Pahang 4-1 dalam saingan Liga Super di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang, pada 16 Februari 2015. Jaringannya disifatkan "melanggar hukum fizik". Jaringan luar biasa beliau itu, antara yang dianggap paling menarik sepanjang tahun 2016, mendapat pengiktirafan antarabangsa.




Kejohanan Le Tour D' Langkawi (LTdL)

Kejohanan Le Tour D' Langkawi (LTdL) dengan edisi pertama telah diadakan pada 1996. Kini, LTdL menjadi perlumbaan berprestij dan besar di luar Eropah sehingga badan induk antarabangsa, Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) memberi penghargaan tertinggi – Anugerah Merit UCI kepada negara kerana memperkenalkan Kejohanan Le Tour de Langkawi pada mata dunia. LTdL 2006 terus mendapat status Hors Category oleh Kesatuan Lumba Basikal Dunia (UCI). Hors merupakan pengiktirafan yang tertinggi diberikan oleh UCI pada perlumbaan basikal dunia.

Malaysia Penganjuran Acara Sukan Bertaraf Dunia

Malaysia terus menjadi destinasi pusat penganjuran acara sukan bertaraf dunia. Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998 (SUKOM) adalah temasya yang berjaya, lancar dan paling meriah pernah dianjurkan dengan upacara penutupan penuh gemilang disaksikan sendiri oleh Ratu Elizabeth II. Turut menjadi kebanggaan Malaysia ialah apabila menjadi tuan rumah kepada kejohanan Golf Piala Dunia 1999 (WGC) yang diadakan di The Mines Resort and Golf Club dengan penyertaan 64 pemain dari 32 buah negara.





Malaysia Tuan Rumah Sukan SEA dan Juara Keseluruhan Sukan SEA 2017

Malaysia buat pertama kalinya menjadi tuan rumah kepada Sukan SEA pada 1965 apabila Laos menyuarakan ketidakupayaan mereka menerima tanggungjawab sebagai tuan rumah. Malaysia sekali lagi mendapat kepercayaan menjadi tuan rumah bagi Sukan SEA 2017 selepas menjadi tuan rumah pada 2001. Kontinjen negara merekodkan pencapaian terbaik apabila muncul sebagai juara keseluruhan dengan 145 emas, 92 perak dan 86 gangsa.









THE SUNDAY TIMES

SUNDAY, SEPTEMBER 1, 1963

Sabah, Sarawak get home rule

From WEE KUN WEE
JERUSALEM, Sat. — Along with the people in Sarawak, North Borneo's 500,000 citizens were today given definite self-government but several village leaders jumped the gun and celebrated the attainment of independence through Malaysia.

One of these leaders in Tuaran, 25 miles north of Jesselton, along the coast, arrived in Tuaran at 4 a.m. and found 2,000 villagers assembled at the town square, all duffed up and in holiday mood. On the top of a hillside

the new Sabah flag was flying proudly in the morning breeze in front of the District Council building.

District Council members and village elders took up positions before the proclamation made in various languages.

Religious leaders then offered prayers before the newly elected chairman, Orang Kaya Kasip Indra, presided over the ceremony.

If President Sukarno of Indonesia had any doubts that the people of North-



BERITA HARIAN

MERDEKA!

Saat yang sangat bersejarah
 Tepat pada tengah malam seluruh rakyat bertempek 'Malaya sudah merdeka!'



Pekek oleh 'Bapa Merdeka' disambut diseluruh negeri

TENGKU ERANGKAN DASAR KERAJAAN

'Kita akan berusaha selagi upaya'

PELUANG

Tawaran di-tolak kita jadi musuh
 Tengku namakan 12



THE MALAY MAIL

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan!
 Happy Independence Day!

THE BIG MOMENT



Images of Independence Day and shouts of 'Merdeka, Merdeka, Merdeka' will always captivate and unite Malaysians as the gripping picture (above) reminds us of the momentous occasion

In this reproduction of the Aug 31, 1957 cover of The Malay Mail, we reflect on the big moment when Tunku Abdul Rahman proclaimed Malaysia's independence to signal the dawn of a new nation on a wet Saturday morning.

Today's edition, looking back to the editorial style of the 1950s, is devoted to reacquainting the mood of that day 50 years ago which began on a damp note but ended with the euphoria that comes with new nationhood.

A busyday people, of all ages and races, gathered as early as 5am to participate in the historic event at the Merdeka Stadium that saw an overflow of emotion from a newly-nationed nation and leadership.

The newspaper then recalled the simplicity of all involved including the Tunku who was unable to access the stadium due to crowds queuing around the entrance.

Today, the celebrations have evolved into an extravaganza of pomp and pageantry with the nation's uniformed forces and the ordinary Malaysian pouring on a dazzling show to keep the flame of independence alive.

SEE PAGES 2-8

The Straits Times

Tengku pledges support for admission to Commonwealth and United Nations

Singapore is out

Singapore will withdraw from Malaysia...
 Tengku: It was my idea...



for electrical products throughout Malaysia
 SBC

سنة نيلان
 UTUSAN ZAMAN



Prime Minister Datoh Seri Neph Ratu is an inspiring Merdeka message to the nation last night spoke of moments of unity among the people

SEE PAGE 3

KAJIAN PERIKATAN SALEPAS MERDEKA

... bagi kepentingan masa dan bangsa

AKHIR M.C.P.

pembesar pemerintah Malaya Merdeka

TAHNIH DARI SEMULA

ARTUKAR BILA BERUBAH

SEPTEMBER, 1963

ANAK SABAH

THE PAPER OF THE YOUNG PEOPLE OF SABAH

SELF-GOVERNMENT GAME ON AUGUST 31st

Although the 31st August did not bring the day as we had all expected, Sabah celebrated a day of self-government, and many towns who prepared Malaysia celebrations held them on the August in honour of Sabah Day. In Keningau there were hand sports and display of physical drill, followed by a lantern procession and firework display. In Tenom, there were sports and a lantern procession.

Page 23 is turned over to the Women of Malaya

From TODAY'S Women Leaders The Call To Their Sisters In Commonwealth

COME OUT AND SERVE

By Christine Dwyer

We Can And Must Help Our Men

OPTORG COMPANY (M) LTD.

the sole representative in Singapore Malaya

Malaya's Royal Rulers

DUNLOP

IN MALAYA

Bendera Malaya akan berkibar di-London pada hari Merdeka

LONDON, 17 AGOST — Wakil diplomatik dari semua Commonwealth akan menghadiri upacara menaikkan bendera Persatuan Tanah Melayu di ibu pejabat kerajaan London pada pagi 31 August.

Ini akan mengistiharkan kepada penduduk daripada London bahwa Malaya telah menjadi satu negara.

Pada Sabtu yang terpanjang ini juga lebih kurang 60 orang pegawai dan kadet2 dari tentera British-ke-10 Persekutuan yang sedang berada di London berkhidmat yang akan di-perkatakan pada 17 Agost.

AVERAGE DAILY CERTIFIED SALE EXCEEDS 150,000

The Straits Times

Now look to the future

Tengku pledges support for admission to Commonwealth and United Nations

What it means—at a glance

Singapore is out

IT'S HERE! WAITED FOR IS HERE AT LAST

MERDEKA MALAYSIA! DAY WE HAVE

THE great day we have long awaited has come at last — the birth of Malaysia. In a warm spirit of joy and hope ten million people of many races in all the States of Malaya, Singapore, Sarawak and Sabah, now join hands in freedom and unity.

Our immediate reaction was that Communists, retailed by an interest in any idea of Malaysia, and they are about creating every possible difficulty to hinder

It was agreed that in order that the partners in Malaysia could welcome Malaysia, the United Nations Secretary-General should be asked to advise the people of the States of Malaya, Singapore, Sarawak and Sabah. That request has now been implemented.

Now finally the people of Malaya are celebrating the establishment of Malaysia.

'Saya bangga nama Wang Merdeka'

Nama istimewa diberikan perdana menteri pertama kerana lahir pada 31 Ogos 1957

Wang Merdeka (Gongah) bersema individu lain, yang lahir pada tarikh sama dengannya memotong kek diistiharkan formal.

"Merasa bangga dan bangga pada tarikh lahir ini kerana saya lahir pada tarikh yang sama dengan beliau," kata Wang Merdeka.

"Malah, lebih memanggunkan beliau bagi turut menyebarkan wif kebajikan dan kepada dia juga saya."

"Saya bangga kerana saya lahir pada tarikh yang sama dengan beliau," kata Wang Merdeka.

Satria Pembela Nusa

Meskipun namamu tidak dijulung
jasamu tidak dikenang
namun kau tak pernah gusar
dirimu tidak ditatang
kerana perjuanganmu penuh kerelaan
pengorbananmu berpaksi keikhlasan
dalam menegakkan kedaulatan
di bumi warisan

Tapi percayalah
masanya kan tiba nanti
kehilanganmu akan dirasai
baktimu akan dikenang
sebagai satria pembela nusa
menjadi tugu di persada bangsa

Shamsudin Puteh • 1 November, 2011



BIBLIOGRAFI

- Abdul Karim Abdullah, 1979. *Latarbelakang & Sejarah Malaysia Moden*, Adabi Publication Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman Haji Ismail, 2005. *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid, 1993. *Title Malaysia's Vision 2020 : Understanding The Concept, Implications and Challenges / Edited and Introduction*. Pelanduk Publications, Kuala Lumpur.
- Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hasan, 1999. *Ekonomi Malaysia*, Longman Publication, Petaling Jaya.
- Haris Fadillah, 1996. *Tunku Abdul Rahman : Tokoh Kemerdekaan Malaysia*, Pustaka Bakti Wira, Kuala Lumpur.
- Ho Hui Ling, 2004. *Darurat 1948-1960 Keadaan Sosial di Tanah Melayu*: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- *Insan Pejuang Bangsa Melayu Abad ke 20*, 2000, Yayasan Warisan Johor.
- Ishak Saat, 2005. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Karisma Publication Sdn. Bhd., Selangor.
- James Allen, 1967 *The Malayan Union*: Yale University, Southeast Asia Studies.
- *Kenegaraan Malaysia*. 1997. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Khong Kim Hoong, 1984. *Merdeka! British Rule and The Struggle For Independence in Malaysia 1945-1957*: Strategic Information Researcher, Selangor.
- Machmud Kahiry H.M., C.V. Rani, 1969. *Malaysia Menghadapi Ancaman Komunis*, Kuala Lumpur.
- Nazaruddin Hj. Mohd. Jali, 1996. *Kenegaraan Malaysia: Sejarah Awal, Kemerdekaan dan Pembentukan Malaysia (Edisi baru)*: Kumpulan Budiman.
- *Penyatuan Tekad Di Kalangan Rakyat*, 1980. Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur.
- *Perkembangan Pelajaran Kesihatan, Pengangkutan Dan Perhubungan Di Malaysia*, 1981, Liew Boon (continental), Kuala Lumpur.
- Sulaiman Zakaria, Azmah Che Omar, 2004. *Penubuhan Malaysia*, Pustaka Cahaya Intelek, Kuala Lumpur.
- *Wawasan 2020*, 1993. Institut Kajian Dasar, Kuala Lumpur.
 - Laporan Transformasi Ekonom (ETP), 2015. Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
<http://etp.pemandu.gov.my>
<http://www.1malaysia.com.my>
<http://www.pmo.gov.my>



GLOSARI

BSKL	Bursa Saham Kuala Lumpur	MARA	Majlis Amanah Rakyat
BR1M	Bantuan Rakyat 1Malaysia	MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (<i>Muda Agricultural Development Authority</i>)
DEB	Dasar Ekonomi Baru	MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (<i>Malaysian Agricultural Research and Development Institute</i>)
DARA	Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (<i>Development Authority of Pahang Tenggara</i>)	MIDA	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (<i>Malaysian Industrial Development Authority</i>)
DPN	Dasar Pembangunan Nasional	MNCs	Syarikat Multinasional (<i>Multinational Companies</i>)
DWN	Dasar Wawasan Negara	MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (<i>Malaysian Palm Oil Board</i>)
ERL	Hubungan Kereta Api Ekspres (<i>Express Rail Link</i>)	MSC	Koridor Raya Multimedia (<i>Multimedia Super Corridor</i>)
ETP	Pelan Transformasi Ekonomi (<i>Economy Transformation Plan</i>)	NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara (<i>National Key Result Areas</i>)
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (<i>Federal Agricultural Marketing Authority</i>)	PPEN	Pelan Pemulihan Ekonomi Negara
FDI	Pelaburan Langsung Asing (<i>Foreign Direct Investment</i>)	PPRT	Program Pembangunan Rakyat Termiskin
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (<i>Federal Land Development Authority</i>)	PKEN	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negara
FELCRA	Lembaga Penyatuan & Pemulihan Tanah Persekutuan (<i>Federal Land Consolidation & Rehabilitation Authority</i>)	PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
GTP	Pelan Transformasi Kerajaan (<i>Government Transformation Plan</i>)	SPKR	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (<i>Information and Communications Technology</i>)	SEA	Sukan Asia Tenggara (<i>SouthEast Asian Games</i>)
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar	TFP	Produktiviti Faktor Keseluruhan (<i>Total Factor Productivity</i>)
KLIA	Lapangan Terbang Antarabangsa KL (<i>KL International Airport</i>)		
KRTM	Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)		
LGM	Lembaga Getah Malaysia		
LNG	Gas Asli Cecair (<i>Liquefied Natural Gas</i>)		

Sekalung Penghargaan

Jabatan Penerangan Malaysia

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku **Negaraku 60 Tahun Merdeka**

Arkib Negara Malaysia

Bahagian Komunikasi Visual dan Senireka, Jabatan Penerangan Malaysia
Sekretariat Anak-anak Malaysia

dan semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama dalam menjayakan penerbitan buku ini.

NEGARAKU



T A H U N

MERDEKA

QR CODE KOLEKSI BUKU



Muat turun
di www.penerangan.gov.my



MRT



Cinta
Negaraku



Logo Hari
Kebangsaan



Negaraku
Sehati Sejiwa



Bersyukur Saya
Anak Malaysia



Malaysia Focus
1/2017



Xin Xi Wang
1/2017



Uthayam
1/2017



Read
1/2017







SINOPSIS

Negaraku 60 Tahun Merdeka adalah sebuah buku yang diterbitkan sempena menyambut ulang tahun ke-60 sambutan kemerdekaan Malaysia. Buku ini merupakan satu daripada koleksi bahan penerbitan negara yang digarap dan disediakan hasil percambahan minda anggota Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kandungan buku ini menyoroti beberapa bingkisan pengalaman dan kejayaan wira tak didendang, anak-anak Malaysia yang lahir pada 31 Ogos dan 16 September yang menjadi panduan serta bimbingan kepada semua rakyat agar sentiasa bersyukur dan memelihara nikmat yang dikecapi hari ini. Di antara lembaran-lembaran halaman buku ini terdapat pula beberapa penceritaan melalui gambar-gambar peristiwa terdahulu dan masa kini sebagai sumber pengetahuan yang berguna seterusnya menjadi rujukan dan warisan untuk generasi pada masa hadapan. Rentetan peristiwa-peristiwa inilah yang mampu memberi iktibar dan pengajaran kepada kita semua dalam mendepani cabaran mendatang. Penerbitan buku ini disusun rapi dan telah disaring serta diringkaskan dengan pengisian yang merangkumi semua sektor termasuk sosial, politik dan sains yang merangkumi 60 tahun era kemajuan negara yang dapat dilihat dari zaman pra merdeka, mencapai kemerdekaan dan selepas merdeka. Sungguh pun banyak karya terhasil sebelum ini yang menyentuh tentang kemerdekaan dan kemajuan Malaysia, tetapi penulisan buku ini dengan genre santai berinformasi wajar dijadikan rujukan dan manfaat kepada seluruh warga Malaysia.

Terbitan:



ISBN 978-983-54-0598-3



9 789835 405983